

Penerbit: Institut Analisa Sosial (INSAN)  
Pencetak: Champion Printers Sdn. Bhd.


28

WAWANCARA:  
DATUK HASSAN AHMAD

# NADI insan

- Mengapa Ku Li Kalah?
- Kecoh Di Bangladesh
- Peta Dunia Mengelirukan
- Bani-Sadr Tentang Kelas Pentadbir
- Punca Kejayaan Dia Ibuku

OGOS 1981  
KDN 0088/81  
ISSN 0126-9364  
\$1.00



## BIAR MATI ANAK?







# NADI Insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)  
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.  
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana, Dr. Jomo  
Pelukis : Jaseni, Lim.  
Pencetak : Champion Printers Sdn. Bhd.  
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

BILANGAN 28

OGOS 1981

wawancara nasional	3	Datuk Hassan Ahmad
	6	Pekerja Kanak-Kanak
	11	Kesilapan Ku Li, Warisan Hussein Onn
antarabangsa	15	Pembunuhan Zia Di Bangladesh
	20	Peta Dunia Mengelirukan
	22	Kelas Pentadbir Di Iran
	23	Bani-Sadr Disingkir
sastera	25	Matinya Seorang Sasterawan
kesihatan	26	Bahaya Ubat Ceret-Beret
	27	South Korea: End of the Miracle?
kartun	32	Al Kisah Kapitalisme
sajak	36	
filem	38	'Dia Ibuku' Ada Class
	40	Pengharaman 'Bumi Manusia'

Suku abad setelah Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan, NI meminta ketua pengarahnya sekarang — Datuk Hj. Hassan Ahmad — membincangkan perkembangan DBP, bahasa, sastera dan penerbitan Melayu.



Pembunuhan presiden Bangladesh Jeneral Ziaur Rahman baru-baru ini telah menarik perhatian dunia kepada negeri yang malang itu. Ikutilah analisa NI mengenai latarbelakang peristiwa yang telah menggemparkan dunia itu.

Kewujudan pekerja kanak-kanak di kalangan masyarakat kita merupakan satu cacat sosial yang sungguh memalukan. Apakah keadaan hidup dan kerja mereka ini? Ikutilah laporan serta kisah-kisah peribadi yang berikut.



Sekali lagi Iran bergolak. Penyingkiran presidennya, Abolhassan Bani-Sadr telah menghairankan ramai pemerhati. Bagaimanakah pemikiran tokoh itu dan apa pula implikasi kekecohan kini di negara Islam itu.

**JIMATKAN WANG**

**NADI TERUS KE RUMAH ANDA**

**6 bulan 1 tahun**

Harga langganan \$5.50 \$10.00  
Anda menjimatkan .50s \$2.00

## BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat \_\_\_\_\_

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

**Di Luar Negeri**

Mel Blasa Mel Udara

Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah —	MS16 (£ 4)	MS36 (£ 9)
Afrika, Amerika —	MS16 (US\$8)	MS44 (US\$22)

**(Langganan Setahun)**

# Pena Penyunting

Pertengahan tahun 1981 nampaknya merupakan masa peralihan pucuk pimpinan di beberapa buah negeri. Selain dari negara kita sendiri, terdapat juga perkembangan serupa di beberapa negeri lain termasuk Perancis (lihat *NI* Julai 81), China, Bangladesh dan Iran.

Dalam keluaran ini, kami mempersembahkan ulasan beberapa pemerhati terhadap perkembangan terbaru di pucuk pimpinan UMNO. Begitu juga, kami cuba menyampaikan analisa mendalam tentang latarbelakang pembunuhan Jen. Ziaur Rahman di Bangladesh dari segi peranan angkatan tentera dalam sejarah negara itu. Dari Iran pula, kami menerbitkan terjemahan petikan

mengenai sifat dan peranan kelas pentadbir dari sebuah makalahnya mengenai syarikat-syarikat antarabangsa di Iran oleh bekas presidennya, Abolhassan Bani-Sadr.

Dalam keluaran *NI* ini, kami juga menyampaikan ulasan filem *Dia Ibuku* yang berjaya merebut bilangan hadiah yang terbanyak pada Malam Merak Kayangan Kedua. Apakah keistimewaannya kalau dibandingkan dengan wayang-wayang Melayu lain atau pun filem-filem Sarimah dahulu atau hasil Yassin Salleh yang sulung (potret Maria).

Pena Penyunting ini disediakan pada awal bulan Ramadhan yang mulia ini. Kepada para pembaca yang dihormati, kami mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. **NI**

## SURAT PEMBACA

### Terlucutnya Hak Asasi. . . !

*Shahlis, Kluang, Johor:* Dua rencana tentang perwartaan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 di dalam *NI* Jun 1981 sesungguhnya memberi kesan yang mendalam kepada setiap warganegara yang mempunyai hak dan kebebasan di bumi bertuah ini.

Sesungguhnya, ini adalah rantaian perlucutan hak-hak dan kebebasan sebagai lanjutan penerusan sistem thagut neo-kolonialisme. Nampaknya, kita semakin menjadi kaya dengan bermacam-macam peraturan yang bernama akta bagi menghalalkan tindakan-tindakan memperkosa.

Kalau diteliti, tiada siapa yang mahu menerima pindaan yang begitu rupa sebagai gambaran gelombang bantahan yang padu dari berbagai-bagai gelombang berbeda bangsa dan kulit warna. Dalam banyak hal, suasana kebebasan seolah-olah semakin kecil ruang dan suasana keadilan semakin songsang kerana suasana perihatin dari suara rakyat ditolak dengan begitu rupa memekak telinga. Di sini menimbulkannya persoalan sejauhmana kewibawaan akta tersebut sebagai akta rakyat dan berjiwa akhlak.

Sikap dan sifat demikian amatlah memalukan sebagai manusia

yang berakhlak dan berpendirian kerana sekaligus memberi tamparan kepada kita yang mempunyai pegangan dan akidah yang sama di dalam hidup. Orang yang berlainan akidah akan bertanya dan membuat kesimpulan sendirian, 'agaknya begini sikap seorang beragama'.

Haruslah dijelaskan di sini bahawa sikap begitu bukanlah satu sikap yang diambil dari Islam, kerana Islam menghormati nilai-nilai perseorangan; sebaliknya agama tersebut telah menentukan peraturan demokrasi bersyura yang mana menerima dengan dada terbuka serta menghormati segala pendapat dan pandangan rakyat. Malahan di dalam melaksanakan sesuatu, suara rakyat diminta dengan hati yang lapang dan tenang, bukan terburu-buru atau memaksa.

Menolak syura adalah dasar diktator yang tidak dapat diterima yang lebih luas sebenarnya, pembicaraan masalah rakyat bukanlah terbatas hanya kepada suatu pihak, tetapi kepada semua pihak berpandukan kepada alasan-alasan demokratik serta dibicarakan oleh umat. Pembicaraan yang benar dan yang salah bukanlah monopoli sesuatu golongan tetapi oleh semua golongan yang menjadi pemerhati perjalanan neraca keadilan dan kebenaran.

Dalam konteks Islam pula, seruan kepada yang maaruf dan mencegah yang mungkar adalah memerlukan pelaksanaan semua pihak yang berkesedaran sama ada dari golongan yang memerintah atau yang diperintah. Tetapi peruntukan ini, '... berusaha untuk mempengaruhi dengan apa jua cara dasar-dasar atau aktiviti-aktiviti atau mana-mana daripada dasar atau aktiviti, atau perjalanannya, pengurusan atau pengendalian, kerajaan Malaysia, atau mana-mana kerajaan negeri, atau mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa...' adalah merupakan sebahagian dari cara-cara yang boleh mempersempit ruang lingkup dakwah Islamiah.

Kebebasan bersuara dalam menjalankan seruan tersebut adalah tidak terbatas berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Ilahi. Justru itu, sebarang usaha untuk melanggar atau menggugat ketetapan ini — dengan menyempitkan ruang lingkungannya — bererti mencabar kedaulatan dan kemutlakan hukum Ilahi.

Jadi jelaslah kepada kita ditinjau dari sudut sebenar pandangan Islam bahawa hak asasi, hak bercakap, hak menyatakan pendapat, hak berorganisasi bukanlah pemberian atau ihsan dari sesiapa pun dan tiada sesiapa pun merampas hak tersebut selagi ia selaku manusia. Tetapi ia adalah anugerah dan ketetapan Allah sendiri kepada sekalian manusia. **NI**



# DATUK HASSAN AHMAD



Datuk Hassan Ahmad

**NI:** Bolehkah Datuk mengisahkan asal-usul DBP dan bagaimana Datuk melibatkan diri dalamnya?

**HA:** DBP ditubuhkan pada bulan Jun 1956 hasil dari pengaruh Balai Pustaka (BP) di Indonesia. Seorang guru, Datuk Md. Noor, dilantik oleh Menteri Pelajaran waktu itu untuk pergi ke Indonesia bagi membuat satu laporan tentang struktur dan organisasi BP di Indonesia dalam tahun 1955. Beliau kemudian mengemukakan laporan kepada Menteri Pelajaran.

Di Johor Baru ada satu perjumpaan, iaitu Konggres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, yang mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan badan seperti yang terdapat di Indonesia itu. Maka tertumbuhlah satu badan pada bulan Jun 1956, iaitu Balai Pustaka. Mulai Sept, 1956 Balai Pustaka dinamakan Dewan Bahasa & Pustaka.

Saya tertarik dengan usaha-usaha mengembangkan bahasa dan telah bekerja dengan DBP sejak tahun 1959.

**NI:** Apakah peranan anggota-anggota ASAS 50 atau Angkatan Sasterawan 50 dalam konggres bersejarah itu dan apa pula sumbangan mereka terhadap perkembangan DBP?

**HA:** Peranan anggota-anggota ASAS 50 adalah tidak secara langsung mendesak kerajaan supaya menubuhkan DBP. Yang terlibat ialah Konggres Bahasa dan Persuratan Melayu yang Ketiga. Tapi pada waktu DBP ditubuhkan, ASAS 50 telah mulai aktif dalam bidang sastera. Anggota ASAS 50 juga menghadiri mesyuarat konggres itu. Sumbangan mereka kepada DBP secara langsung tidak ada, tetapi secara langsung terhadap perkembangan sastera Melayu moden, banyak yang mereka pelopori, iaitu konsep sastera untuk masyarakat dan menentang konsep sastera untuk seni. Maka lahirlah sastera yang mengkaji soal-soal sosial, penyakit masyarakat dan sebagainya. Sumbangan mereka terhadap sastera Melayu moden agak berkesan.

**NI:** Mengapa DBP mula dipusatkan di Johor Baru dan mengapa pula DBP dipindahkan ke Kuala Lumpur?

NADI INSAN, OGOS 1981

**HA:** Perkara ini berlaku mungkin secara kebetulan sahaja. Saya tak nampak mengapa DBP ditubuhkan di Johor Baru dan barangkali kerana konggres diadakan di Johor Baru.

Dalam tahun 1959, DBP berubah statusnya daripada sebuah jabatan kerajaan kepada sebuah perbadanan. Kalau dilihat daripada laporan Majlis Undangan Negeri masa itu, ada disebut mengapa DBP perlu dijadikan badan berkanun. Menteri Pelajaran mengatakan DBP terlalu aktif sejak tahun 1967 di bidang bahasa, sastera dan penulisan. Maka, perlulah perbadanan ini untuk memberikan sedikit otonomi untuk mentadbirkan rancangan-rancangan secara lebih profesyenal atau lebih kreatif dan tidak terikat dengan mana-mana pejabat kerajaan kerana ada unsur persaingan.

**NI:** PENA telah ditubuhkan di Kuala Lumpur. Apa pula kaitan PENA dengan DBP?

**HA:** Apabila DBP ditubuhkan untuk menjalankan tugas dalam tiga bidang — bahasa, sastera dan penulisan — secara langsung atau tidak langsung banyak minat timbul untuk membantu dan mengembangkan bahasa dan sastera Melayu. Maka timbullah badan-badan penulis seperti PENA dan saya terlibat juga dalam menubuhkan PENA dalam tahun 1960; saya menjadi setiausahanya yang pertama. Secara logiknya PENA timbul untuk turut memainkan peranan mengembangkan bidang penulisan kreatif dalam Bahasa Malaysia.

**NI:** Pada tahun enam puluhan, usaha untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan akhirnya telah membawa ke Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967, sepuluh tahun selepas kemerdekaan. Mengapa begitu lambat?

**HA:** Begitu lambat selama 10 tahun kerana pihak lain meminta supaya Bahasa Malaysia diberi tempoh 10 tahun dan jangan terus dijadikan bahasa resmi dan mungkin juga untuk memberi peluang DBP membina Bahasa Malaysia dalam tempoh 10 tahun supaya dapat ambil alih Bahasa Inggeris, terutama dalam lapangan pentadbiran negara.

**NI:** Semenjak tahun tujuh puluhan, boleh dikatakan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa resmi tidak dipersoalkan lagi. Persoalan yang timbul sekarang ialah tentang implikasi dasar ini, terutama sekali terhadap bahasa-bahasa lain. Apakah usaha untuk memajukan Bahasa Malaysia memerlukan pengabaian atau pengenehan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Arab atau bahasa-bahasa ibunda?



**HA:** Pengabaian bahasa-bahasa lain saya kira tidak. Usaha-usaha untuk membina dan mengembangkan Bahasa Malaysia itu bererti peranan negara dan tidak pula membelakangkan Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab, Jerman dan sebagainya. Berhubung dengan bahasa-bahasa yang ada di dalam negara pula, seperti Bahasa China, Tamil dan lain-lain, dalam perlembagaan ada menyebut bahawa bahasa lain akan terus dipelihara, cuma tidak dikembangkan dan diajar sebagai bahasa akademik dan tidak diguna untuk urusan resmi negara. Kita juga menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris.

#### Bahasa Lain

**NI:** Ada setengah golongan pula yang berpendapat bahawa walau pun perhatian resmi terhadap Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab telah bertambah, baru-baru ini ramai orang menganggap sikap menganaktirikan bahasa-bahasa lain seperti China, Tamil, Iban, Kadazan, Jawa dan lain-lain.

**HA:** Saya kira orang susah nak mengatakan soal bahasa ibunda kerana ini adalah soal emosi dan sentimen. Tidak boleh memaksa. Cuma pembinaan perancangan politik negara kita menggunakan satu bahasa yang dikira boleh menjadi bahasa penyatu seperti Bahasa Malaysia. Jadi orang lain perlu mempelajari bahasa kebangsaan dengan tidak pula meninggalkan bahasa ibundanya. Ini berlaku juga di beberapa buah negara lain. Bilakah nanti kita akan jadi seperti Indonesia yang kesemuanya tahu berbahasa Melayu (ala Indonesia) dan di rumah pun mereka terus-terusan menggunakan Bahasa Indonesia? Contoh sampai bila kita akan mencapai peringkat itu di Malaysia ini tak dapat diramalkan.

**NI:** Apakah usaha-usaha yang sedang dilakukan demi mempopularkan Bahasa Malaysia di kalangan orang dewasa yang telah dididik dalam sekolah selain dari sekolah-sekolah kebangsaan, dan adakah usaha ini mencukupi?



Persidangan Ke-11 MBIM di Kuala Lumpur

**HA:** Sejak dasar Bahasa Malaysia diadakan di Malaysia, ramai sekali orang Melayu, China dan Tamil yang berkebolehan menggunakan Bahasa Melayu dalam usaha-usaha resmi negara. Ini bukan kerana mereka yang pergi ke sekolah tapi kerana mereka sudah mempunyai asas. Jadi pendedahan dalam tempoh sepuluh tahun itu dan barangkali juga dalam usaha mereka mempelajari bahasa itu secara persendirian dan secara informal cukup untuk membolehkan mereka menggunakan bahasa itu dalam urusan resmi negara.

#### Kalangan Pentadbir

Dan sekarang ini, DBP cuba meningkatkan lagi mutu penggunaan bahasa Malaysia di kalangan pentadbir kerajaan dan juga di sektor lain seperti *mass-media* dengan mengadakan taklimat bahasa. Hampir semua Kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan telah pun menghantar wakil untuk taklimat bahasa dan kita menumpukan dalam tiga perkara iaitu nahu, istilah dan ejaan, unsur-unsur yang biasa kita gunakan dalam urusan resmi. Tapi jika di peringkat yang lebih tinggi, di Universiti, perlulah diajar dari A hingga Z, grammar dsbnya. Rancangan ini adalah kempen mendedahkan bahasa yang betul kepada orang-orang atau sektor yang secara aktif, terlibat menggunakan bahasa ini. Tujuh buah negeri di Malaysia ini sudah pun kita lawati memberi taklimat.

#### Bahasa Malaysia/Indonesia

**NI:** Apakah usaha-usaha untuk menyelaraskan atau menyeragamkan Bahasa Malaysia dengan Bahasa Indonesia dari segi struktur bahasa, ejaan, istilah dan penyebutan?

**HA:** Sejak lama dulu (1972) apabila kerajaan Malaysia dan Indonesia bersetuju mengadakan kerjasama dalam bidang kebudayaan, bahasa dan pendidikan. Sejak dari itulah usaha untuk menyamakan atau menyeragamkan bahasa Malaysia dan Indonesia dimulai. Selama ini tumpuan hanya kepada soal penyeragaman istilah-istilah khusus, istilah dalam soal bidang ilmu yang khusus saja. Tidak dapat seratus peratus penyamaannya. Cuma ejaan yang dapat disamakan seratus peratus, penyebutan tidak dapat dibuat secara *deliberate*. Struktur bahasa sedang kita usahakan hendak menukarkan program atau mengadakan rancangan penyusunan tatabahasa yang digunakan sama oleh kedua negara. Sekarang ini struktur bahasa kedua negara tidak banyak bezanya, yang banyak ialah gaya bahasanya. Yang boleh disatukan ialah ejaan. Istilah dan penyebutan itu diserahkan kepada masa dan *mobility Malaysia dan Indonesia* dan melalui pengaruh media, barangkali kita terikut mereka atau mereka terikut kita.

#### Loghat Johor

**NI:** Mengapa pula penyebutan resmi adalah mengikut cara atau loghat Johor dan tidak seperti cara Indonesia yang lebih tepat kepada ejaan, iaitu cara yang lebih



mudah, fonetik dan saintifik?

**HA:** Mengapa agaknya penyebutan resmi mengikut loghat Johor? Soal ini selalu timbul dan agak susah hendak dijawabkan. Mengikut kata Pak Takdir Alisjahbana, dahulu ada seorang Belanda dihantar ke Pulau Pinang untuk mengkaji sebutan bahasa Melayu di sekolah-sekolah di Pulau Pinang. Beliau mendapati kebanyakan orang menyebut iaitu dipengaruhi oleh Inggeris. Soalan ini sebenarnya belum ada penyelesaian saintifik jadi DBP telah meminta seorang pakar bahasa dari Universiti Malaya menyusun satu kajian mengenai sebutan dalam Bahasa Melayu dan membuat daftar Geografi, sebutan loghat-loghat atau sebutan di Malaysia yang mana banyak memakai 'a' dan yang mana 'ha'. Penterjemahan di Malaysia terutama yang diterbit oleh DBP dan penerbit-penerbit lain mengandungi kelemahan dan kesalahan tapi tidak begitu banyak.

#### Penterjemah

**NI:** Apakah mutu dan usaha penterjemahan di Malaysia memuaskan, dan kalau tidak, apakah usaha Dewan demi memajukannya?

**HA:** Yang penting sekarang ini bagaimana kita dapat melahirkan kumpulan penterjemah yang banyak dan yang mahir. DBP membantu pembinaan bakat penulis dan penterjemah misalnya mengadakan kesatuan penterjemah Malaysia (1978) tujuan untuk menggalakkan perkembangan penterjemahan. Baru-baru ini kami telah pergi kesemua pusat pengajian tinggi mengadakan kursus kilat kepada pensyarah yang hendak menterjemah buku-buku DBP dengan kerjasama persatuan penterjemah di DBP. Tetapi kami sering mengadakan seminar dsbnya. Saya mencadangkan supaya kita mengadakan satu akta kesatuan penterjemah, ahlinya mesti lulus peperiksaan profesyenal. Di samping menerbitkan buku, DBP juga melaburkan wang untuk membina bakat penulis dan penterjemah sejak 1958

#### Bahasa Jepun

Jepun zaman Meiji mereka sanggup mencurahkan sumber ke arah itu dan bersungguh-sungguh. Sebelum mereka bina universiti mereka bina badan penterjemah dahulu. Lagi pun bahasa Jepun mudah menerima kata-kata pinjaman. Bahasa Jepun terbuka kepada pengaruh bahasa lain. Jerman juga sekarang adalah gedung bahasa

#### Semua Bidang

**NI:** Pada pendapat Datuk, apakah kejayaan DBP yang paling cemerlang dalam suku abad yang lalu?

**HA:** Kejayaan DBP yang cemerlang sekali ialah meningkatkan bahasa Melayu dari peringkat rendah ke peringkat yang tinggi dalam tempoh 15 tahun, misalnya 1970 UKM ditubuhkan. Daya penungkaan Bahasa Melayu dapat kita tingkatkan untuk memainkan peranannya sebagai bahasa pengantar dalam semua bidang. Kita telah pun terbitkan sebuah buku dalam bidang teknologi. Ini bererti satu bukti bahasa Melayu boleh digunakan se-

NADI INSAN, OGOS 1981



Dalam satu perjumpaan Persatuan Penterjemah Malaysia April 1978

bagai bahasa di dalam bidang teknologi. Dalam bidang pentadbiran negara, malahan dalam bidang ekonomi dan perusahaan pun boleh juga. Dalam tahun 1950 dahulu tiada sebuah buku yang boleh digunakan untuk sekolah menengah dalam bidang sains.

#### Tajuk Buku

Tapi setelah merdeka kita telah dapat menerbitkan 2,300 tajuk buku dan daripada tajuk ini kira-kira 200 buah buku dalam bidang sains dan kemanusiaan. Dalam program kita ada 200 lagi yang akan diterbitkan dalam tempoh 3 tahun. Sehingga tahun 1985 kita akan mengadakan kira-kira 500 buku baru untuk pengajian tinggi sahaja. Sekarang ini sudah ada 180 projek penterjemahan dan penulisan yang sedang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah. Mulai 10 bulan yang lalu, 3 bidang bahasa, penerbitan dan sastera dikembangkan melalui media Melayu.

**NI:** Apa pula sasaran-sasaran Dewan bagi suku abad akan datang?

**HA:** Sasaran DBP pada jangka 10 tahun ialah memastikan supaya Bahasa Malaysia akan dijadikan terus sebagai alat pengantar yang berkesan dalam semua bidang. Di pengajian tinggi misalnya kita telah mengumpul 500 bidang ilmu. Kita telah mengkajipada tiap-tiap bidang ini, kita tidak dapat mengeluarkan istilah-istilah yang cukup untuk kegunaan semasa. Dalam 3 tahun akan datang kita mahu mengatasi masalah ini dengan segera dan dengan secara *massive*.

Kita lantik pakar jawatankuasa istilah. Objektif DBP ialah memperlengkapkan Bahasa Malaysia sebagai ilmu pengetahuan, memastikan bahawa bahasa Malaysia ini digunakan seluas-luasnya dalam semua sektor pentadbiran. Kita akan mengadakan kajian untuk menentukan masalah dan keadaan penggunaan bahasa dalam pusat tertentu.

#### Program Bahasa

Kita akan menyediakan program bahasa untuk orang-orang itu, misalnya komputer system yang timbul masalah istilah dan bahasa. Kita kaji apa maksud *input*, *output* dsbnya. Kita mahu menulis sebuah buku sejarah Melayu sejak dari zaman batu bersurat hinggalah zaman sekarang dengan kerjasama pakar-pakar bahasa, pihak Indonesia (pakar-pakar Belanda)



# PEKERJA KANAK-KANAK

Hasan Ali

Pembangunan pesat ekonomi Malaysia dalam masa satu dasawarsa yang lalu sering disifatkan sebagai salah satu contoh kejayaan di Dunia Ketiga. Pertumbuhan ekonomi tercapai bersama-sama dengan pembangunan dalam bidang pelajaran dan kemudahan kesihatan awam. Tetapi, perhatian jarang diberikan kepada ketidaksamaan dalam pengagihan faedah-faedah dari kemajuan ekonomi dan sosial ini. Kemiskinan masih lagi berleluasa di Malaysia. Satu dari perkara-perkara yang paling ketara di Malaysia ialah penggunaan buruh kanak-kanak baik di bandar mahu pun di luar bandar.

Di Malaysia terdapat kanak-kanak menjadi pembantu dalam kerja-kerja pemiagaan keluarga sama ada sepenuh masa atau selepas waktu sekolah, sama seperti di negara-negara lain. Tetapi, kemiskinan juga telah mendorong kanak-kanak dan belia-belia untuk mencari perkerjaan dan meninggalkan alam persekolahan mereka. Dalam tahun 1970, 9.5 peratus dari jumlah semua kanak-kanak lelaki dan 5.5% daripada semua kanak-kanak perempuan yang berumur antara 10-14 tahun telah menjadi anggota tenaga buruh.

Buruh kanak-kanak amat ke tara di kawasan bandar. Kanak-kanak merupakan bahagian penting dari tenaga kerja dalam perusahaan-

perusahaan kecil yang mengeluarkan berbagai jenis barang dan perkhidmatan. Antara jenis perusahaan termasuklah gerai makanan, restoran kecil, kedai runcit, bengkel kecil, kilang-kilang dan penjual surat-khabar. Kanak-kanak ini menerima upah yang rendah dan lazimnya menyerahkan pendapatan mereka kepada orang tua mereka sebagai tambahan pendapatan keluarga. Dalam sektor perusahaan dan pemiagaan kecil, buruh kanak-kanak merupakan satu pertiga dari jumlah tenaga kerja.

Maklumat dalam laporan ini adalah berdasarkan kepada penyelidikan yang dijalankan oleh Persatuan Anti-Perhambaan tentang sektor perkhidmatan dan pembuatan kecil yang berpusat di bandar dalam kawasan lama bandaraya Pulau Pinang. Ia adalah berdasarkan wawancara dan kajian kes. Kerja penyelidikan ini telah tidak dapat dijalankan dengan lancarnya kerana para penyelidik tidak dapat memasuki bengkel-benekal yang di pagar dan ditanda dengan "tidak dibenarkan masuk".

Siri Laporan Buruh Kanak-Kanak (no. 5) *Persatuan Anti-Perhambaan* yang menyelidik latar belakang yang menyebabkan ujudnya buruh kanak-kanak di Malaysia menganalisa latar belakang sosio-ekonomi kanak-kanak yang terlibat dalam penyelidikan itu. Ia juga



membincangkan sebab-sebab mengapa mereka berkerja serta keadaan tempat kerja mereka.

## UNDANG-UNDANG YANG LEMAH

Di Malaysia kini tidak terdapat undang-undang yang benar-benar menghalang pengambilan kanak-kanak untuk berkerja. Di samping itu pihak kerajaan juga tidak mengesahkan lima peraturan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai syarat-syarat berkerja bagi orang-orang di bawah umur.

Penggunaan kanak-kanak dan orang-orang di bawah umur untuk berkerja adalah tertakluk kepada *Akta Kanak-kanak dan Orang-orang Di bawah Umur (Pekerjaan) 1966* yang hanya berkuat-kuasa untuk Semenanjung Malaysia sahaja. Akta ini mentakrifkan kanak-kanak sebagai "sesiapa yang belum menghabiskan usianya yang keempat belas tahun" dan orang-orang di bawah umur sebagai "sesiapa yang belum menghabiskan usianya yang keenam belas tahun."

Walaupun Akta ini menyatakan jenis kerja dan masa berkerja bagi



kanak-kanak dan orang-orang di bawah umur, tetapi ia tidak menyatakan upah minima yang mesti diberi kepada mereka. Penentuan mengenai perkara tersebut hanya terserah kepada budibicara menteri

mengekalkan malah meningkatkan permintaan buruh kanak-kanak.

Perusahaan-perusahaan kecil ini tidaklah boleh dipandang dengan sebelah mata sahaja kerana ia mempunyai kedudukan penting dalam

bual bekerja dalam industri pengeluaran makanan-laut, arang kayu, colok, bengkel kereta, bengkel perabut, kilang jahitan pakaian dan kilang percetakan kecil. Kecuali perusahaan makanan laut, semua

Hampir 80 peratus dari kanak-kanak ini menerima upah kurang dari \$120 sebulan . . .

apabila bantahan dibuat. Pada amalannya, kanak-kanak tidak dilindungi secukupnya oleh undang-undang yang hanya menyatakan masa dan keadaan pekerjaan. Walaupun mereka diakui sebagai sebahagian dari tenaga kerja tetapi mereka tidak boleh menyertai kesatuan sekerja kerana umur minima untuk menjadi ahli ialah 16 tahun.

Selagi kanak-kanak ini tidak diwakili oleh mana-mana kumpulan yang memperjuangkan nasib mereka selama itulah pula nasib mereka sebagai buruh akan terbiar dan tidak diperhatikan oleh sesiapa.

Permintaan kepada buruh kanak-kanak di sektor pertanian dan pembuatan kecil adalah berkait rapat dengan pertumbuhan yang tidak merata dalam ekonomi Malaysia dalam masa satu dasawarsa yang lalu di mana pembangunan di sektor-sektor tertentu adalah terhadap. Pelaburan dalam bentuk modal yang tinggi hanyalah terhadap kepada perusahaan elektronik dan kain yang dipunyai oleh pelabur asing atau syarikat antarabangsa di Kawasan Perdagangan Bebas.

Sementara itu sektor pertanian dan perusahaan kecil tempatan tetap kekal tidak dimajukan dan masih menggunakan teknologi yang lama. Oleh itu, dengan ketiadaan usaha memperhebatkan pengeluaran melalui pelaburan modal, maka ketahanan ekonomi unit-unit kecil ini dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan semakin bergantung kepada kebolehan mengekalkan upah pekerja serendah yang mungkin bagi meninggikan keuntungan dan mempertahankan keupayaan bertanding. Keadaan inilah yang

ekonomi Malaysia. Dalam tahun 1973 perusahaan kecil (yang mempunyai kurang dari 50 orang pekerja) merupakan 62% dari jumlah kilang-kilang pembuatan di Malaysia yang menampung 25% dari jumlah pekerja penuh masa. Di Pulau Pinang mereka merupakan satu perempat dari jumlah kakitangan bergaji dan menyumbangkan 23% dari nilai kasar keluaran pembuatan di Pulau Pinang.

Sementara itu, penawaran buruh kanak-kanak terus bertambahlah oleh kerana ketidaksamaan dalam agihan faedah-faedah dari pertumbuhan ekonomi yang dinikmati oleh berbagai lapisan masyarakat. Oleh kerana tidak ada undang-undang yang menetapkan paras upah minima, maka akibatnya ramai dari orang-orang yang terlibat dalam mengeluarkan kekayaan negara tidak mendapat bahagian yang sewajarnya untuk menampung sara hidup keluarga mereka.

Banyak dari pekerja-pekerja yang menerima upah yang rendah bekerja dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang menguasai sektor yang paling maju dalam ekonomi. Kehidupan keluarga-keluarga ini bergantung kepada sumbangan semua ahli-ahli keluarga mereka, kecuali anak-anak yang masih terlalu kecil. Justeru itulah keluarga-keluarga ini terpaksa menghantar anak-anak mereka supaya bekerja. Ini menjadi punca bekalan buruh kanak-kanak kepada sektor-sektor yang memerlukan buruh murah di mana pekerja kanak-kanak ini mendapat perlindungan yang sangat kecil.

Kanak-kanak yang telah ditemu-

perusahaan ini telah lama ujud dan secara tradisi adalah penting kepada ekonomi.

Kesemua perusahaan ini menggunakan buruh yang banyak dan diuruskan dalam unit-unit yang kecil dengan menggunakan antara empat hingga lima puluh orang tenaga buruh. Dalam tiap-tiap perusahaan, buruh kanak-kanak merupakan sebahagian yang agak besar. Dalam lima dari tujuh buah perusahaan itu, 30 peratus atau lebih dari jumlah tenaga kerja mereka adalah terdiri daripada buruh kanak-kanak. Dalam kerja menghantar surat-khabar kesemua pekerjaannya adalah kanak-kanak.

Hampir 80 peratus dari kanak-kanak ini menerima upah kurang dari \$120 sebulan dan lebih satu pertiga daripada mereka menerima kurang dari \$60 sebulan. Kesemua mereka tidak mempunyai kontrak pekerjaan yang bertulis (pengambilan selalunya melalui keluarga atau melalui kawan-kawan mereka yang bekerja di tempat yang sama).

Kebanyakan dari mereka bekerja secara berterusan selama lebih dari lapan jam sehari. Kira-kira separuh dari mereka bekerja lebih dari sembilan jam dan ada juga yang sepuluh jam atau lebih. Sebenarnya, jangka masa bekerja untuk buruh kanak-kanak tidak dipatuhi sangat; kanak-kanak ini selalu bekerja lebih dari masa yang ditetapkan. Kesemuanya bekerja enam hari seminggu dan hanya mendapat beberapa hari cuti am sahaja.

Kadar upah yang paling tinggi ialah dalam perusahaan makanan laut dan pengeluaran arang kayu. Kadar upahnya ialah antara \$2-



\$3.50 sehari dalam perusahaan makanan laut dan \$150-\$200 sebulan dalam pengeluaran arang kayu. Bagaimanapun, dalam perusahaan makanan laut pekerjaan tidaklah tetap kerana ia bergantung kepada jumlah tangkapan ikan. Dalam perusahaan arang kayu pula, upah ini adalah rendah kerana kerja yang dibuat adalah berat.

Menurut *Akta (Pekerjaan) Kanak-kanak dan Orang-orang Muda 1966* kanak-kanak hanya boleh melakukan kerja-kerja yang ringan bersesuaian dengan keupayaan mereka. Mereka tidak boleh membuat kerja-kerja 'yang boleh membahayakan diri mereka' Berdasarkan kepada apa yang berlaku, kita dapati bahawa peruntukan-peruntukan yang dibuat untuk melindungi kanak-kanak yang bekerja tidak dipedulikan. Dalam banyak kes didapati bahawa pekerja kanak-kanak ini terdedah kepada bahaya dan risiko ketika bekerja.

Sebuah kilang yang dilawati ialah bengkel logam ringan yang menggunakan proses tuangan untuk membentuk logam-logam sisa menjadi barang-barang seperti penyambung paip air. Kilang ini adalah kecil berukuran kira-kira 60 kaki kali 36 kaki dan dipagar dengan besi kerat.

Dari jumlah 30 orang kakitangan, 20 orang adalah kanak-kanak yang berumur antara 12 hingga 15 tahun. Mereka kesemuanya bekerja dalam keadaan haba yang cukup panas dan menggunakan alat perkakas yang lama. Sekumpulan kanak-kanak lelaki bekerja, dalam satu barisan, membawa baldi-baldi besiwaja dari relau (tempat melebur) kepada acuan untuk dibentuk.

Walaupun proses yang dilakukan adalah amat membahaya tetapi tidak ada peraturan keselamatan disediakan. Pekerja kanak-kanak sepenuh hari di situ bekerja selama 9 jam dari pukul 8 pagi hingga 6 petang dengan waktu rehat selama satu jam

dari tengah hari hingga pukul 1 petang. Mereka bekerja enam hari seminggu dan separuh hari pada hari Ahad. Ini bermakna mereka bekerja selama 58 jam seminggu! Makanan tidak disediakan. Upah mereka adalah berdasarkan kadar harian antara \$2.70 hingga \$3.50 sehari bergantung kepada lama masa mereka bekerja di kilang itu.

Sekiranya seorang kanak-kanak itu bekerja secara berterusan selama 24 hari dia akan menerima bonus sebanyak \$15 dan; jika ia bekerja untuk dua minggu secara berterusan bonusnya ialah \$5/-.

Keadaan tempat kerja itu adalah amat membahaya. Apabila majikan itu ditanya mengenai risiko yang terlibat ketika membawa besiwaja panas yang cair, dia menafikan yang kanak-kanak itu bekerja dengan itu.

Keadaan adalah lebih tenat dalam bengkel melebur yang kedua



Dia bekerja sebagai pembantu rumah dilawati kerana bengkel ini hanyalah sebuah rumah kayu berukuran 20 kaki dengan 12 kaki. Oleh kerana kawasannya sempit dan relau besar sedang menyala maka habanya ada terlalu panas. Tempat pertukaran udara dan cahaya lampu adalah tidak mencukupi. Bilik itu dipenuhi oleh debu dan pasir yang disebabkan oleh kerja membuat acuan.

Kebanyakan orang-orang muda yang ditemu soal berumur antara 14-16 tahun, di mana lebih setengah daripada mereka mula bekerja ketika berumur 13 tahun atau

lebih muda lagi. Lebih satu perempat dari kanak-kanak ini hanya bersekolah selama antara 4-6 tahun. Apabila ditanya kenapa mereka meninggalkan sekolah kebanyakannya memberikan alasan kurang minat dan kemiskinan keluarga. Kemiskinan memang sebenarnya merupakan punca kepada masalah ini. Hakikat ini disahkan oleh kenyataan bahawa 74 peratus dari kanak-kanak itu menyumbangkan antara setengah ke keseluruhan pendapatan mereka kepada keluarga mereka.

Keadaan latarbelakang sosio-ekonomi kanak-kanak ini yang sungguh menyedihkan, dapat dilihat dari segi saiz keluarga mereka serta tingkat pendidikan dan jenis pekerjaan yang dibuat oleh ahli-ahli lain keluarga mereka. Hampir kesemua kanak-kanak ini datang dari keluarga yang besar yang mempunyai pada puratanya 9 orang anak. 14 peratus dari ketua keluarga-keluarga ini tidak pernah bersekolah. Hanya 3.5 peratus sahaja yang bersekolah lebih dari enam tahun. Mereka membuat kerja-kerja yang bergaji rendah seperti kerja-kerja kilang, pembinaan, penjaja di tepi jalan, dan perkhidmatan yang bergaji rendah. Tingkat pendidikan, pekerjaan dan kadar upah ahli-ahli lain dalam keluarga kanak-kanak ini tidak jauh berbeza dengan ketua keluarga. Laporan-laporan menunjukkan bahawa 41 peratus dari ahli-ahli keluarga buruh kanak-kanak ini bekerja dalam kilang pengeluar pakaian atau kilang-kilang elektronik antarabangsa yang baru di Kawasan Perdagangan Bebas.

### Kesimpulan

1. Malaysia adalah sebuah negara di mana 45 peratus dari penduduknya terdiri dari mereka di bawah yang berumur di bawah 14 tahun. Kekayaan dan kesejahteraan di masa hadapan bergantung kepada kesihatan dan mutu kanak-kanak. Tetapi isu buruh kanak-kanak dan



semua implikasi yang berkaitan dengannya tidak dikaji dengan

2. Laporan menunjukkan yang masa dan suasana bekerja buruh kanak-kanak itu adalah luar biasa dan merugikan perkembangan bakat mereka. Dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu, keadaan bahaya yang mengancam kanak-kanak itu ujud.

3. Kanak-kanak merupakan satu pertiga dari tenaga kerja dalam perusahaan ringan dan dalam pembekalan barang-barang dan perkhidmatan; tetapi undang-undang, tanpa dikuatkuasakan, tidak akan memberikan kepada mereka sebarang perlindungan dari penindasan.

Mereka juga tidak menerima sebarang perhatian dari kesatuan sekerja dan kumpulan-kumpulan lain.

#### Cadangan-cadangan

Adalah dicadangkan supaya:

1. Kerajaan Malaysia haruslah menjalankan satu kajian menyeluruh mengenai masalah buruh kanak-kanak — punca masalah dan kesannya serta cara menghapuskannya. Kajian ini boleh dilakukan sendiri oleh pihak kerajaan ataupun oleh satu badan lain yang dilantikannya.

2. Undang-undang yang sedia ada hendaklah dikaji dan undang-undang baru hendaklah digubah

dan dilaksanakan untuk memberikan perlindungan yang berkesan kepada buruh kanak-kanak dari ditindas.

3. Langkah-langkah mestilah diambil untuk mengujudkan suasana yang diperlukan bagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh lima persidangan ILO yang berhubung dengan pengambilan kanak-kanak dan orang muda untuk bekerja.

4. Kerajaan Malaysia menimbangkan pengesahan dengan secepat yang mungkin Peraturan ILO No. 138 mengenai Usia Minima Untuk Mula Bekerja dan Cadangan ILO No. 146, 1973. (31)

## Kisah-Kisah Pahit

### Pekerja Kanak-Kanak

#### Muniandy — Pembantu Restoran

Kisah berikutnya ialah kisah seorang lagi pembantu restoran bernama Muniandy. Dia sekarang berumur 14 tahun. Tetapi, oleh kerana badannya yang kecil dan kurus kering, orang akan menyangkakan ia baru berumur 12 tahun. Dengan melihat keadaan tangan serta jarinya pula, orang akan tahu bahawa Muniandy adalah seorang pekerja kanak-kanak yang telah lama berkerja.

Muniandy sekarang bekerja di sebuah restoran. "Saya dapat \$80 sebulan" kata Muniandy. "Saya kerja dari pukul 6 pagi hingga tengah malam. Hanya dapat rehat 4 jam saja — dari pukul 2 hingga 6 petang. Kerja saya teruk. Saya kena layan orang, basuh pinggan dan gelas, angkut air dan cuci lantai dan meja. Saya benci kerja ini", tambahnya lagi dengan nada sedih.

"Saya mahu ke sekolah lagi. Tapi apa boleh buat. Keluarga saya miskin. Ayah hanya buruh kasar dan emak kerja potong getah. Saya ada tujuh orang adik beradik. Saya berhenti sekolah masa saya darjah lima dulu". Muniandy meneruskan kisah hidupnya.

NADI INSAN, OGOS 1981

"Lepas berhenti sekolah, saya kerja di estet kelapa sawit di tempat saya, di Kluang. Kerja saya bersihkan rumput-rumput dan saya dapat \$3 sehari. Semua duit saya beri pada ayah. Sekarang pun saya beri semua duit pada ayah untuk beri makan dan baju untuk adik-adik. Saya makan dan tidur di restoran ini", Muniandy terpaksa mengakhiri cerita kisah hidupnya di sini kerana ia terpaksa balik berkerja. Dia takut nanti dimarahi oleh tuan punya restoran itu, katanya.

#### Choy Fatt —

#### Pekerja Kilang Tambahan

Choy Fatt baru berusia 12 tahun. Tiap-tiap hari selepas sekolah ia akan pergi ke sebuah kilang pembuat barang-barang dari logam-logam buruk untuk bekerja. Choy Fatt akan berkerja di kilang itu selama lima jam iaitu dari pukul 2.00 petang hingga 7.00 malam.

Di kilang itu Choy Fatt berkerja membawa logam-logam buruk yang berat kepada mekanik-mekanik yang menjaga mesin-mesin itu. Setelah berkerja di situ selama lebih dari satu tahun, badan Ah Meng sungguh nampak begitu tegap — tidak seperti budak-budak lain yang

sebayanya.

"Saya dapat \$5 satu hari", Choy Fatt menerangkan. Dia terpaksa menjerit kuat kerana bunyi mesin di kilang itu sungguh memekakkan telinga.

"Saya beri separuh upah saya kepada ayah dan separuh lagi untuk belanja sekolah saya. Untuk beli buku dan duit poket hari-hari", tambah Choy Fatt lagi.

Ayah Choy Fatt berkerja sebagai buruh manakala emaknya hanyalah seorang suri rumahtangga. Choy Fatt juga mempunyai seorang kakak dan seorang adik lelaki.

Seperti buruh kanak-kanak lain, Choy Fatt berkerja tanpa disediakan alat-alat perlindungan diri dari berbagai bahaya di tempat kerjanya. Dia tidak mempunyai apa-apa untuk menutup telinganya dari bunyi bising mesin-mesin di kilang itu. Ia juga tidak diberi cermin perlindungan mata untuk melindunginya dari serpihan-serpihan bahan logam dari mesin-mesin itu. Selama manakah Choy Fatt akan dapat mengelakkan dirinya dari kemalangan di kilang itu memang sukar untuk diketahui. Tetapi, yang jelas ialah kilang itu telah melanggar undang-



undang dengan membenarkan Choy Fatt berkerja di situ. Bilakah pihak berkuasa akan bertindak juga menjadi tandatanya.

#### Bakar Pembantu Restoran

"Saya mula bekerja ketika umur saya 10 tahun" Bakar yang sekarang berumur 13 tahun, memulakan kisah deritanya. "Sebenarnya, saya berasal dari Gurun, Kedah. Di situ saya tinggal dengan bapa saudara saya yang bekerja sebagai penoreh getah. Dia mempunyai isteri dan tiga orang anak. Hidup mereka susah dan kehadiran saya merupakan satu lagi beban kepada mereka. Walaupun mereka tidak tunjuk yang mereka tidak suka saya, tapi saya rasa tak senang. Itu sebabnya saya tinggalkan rumah bapa saudara saya.

Bila dia ditanya tentang keluarga asalnya, Bakar enggan bercerita banyak.

"Saya mula bekerja di sebuah restoran kecil di Pulau Pinang. Di situ saya menghidang makanan dan minuman kepada pelanggan, cuci lantai dan meja dan membasuh pinggan. Saya bekerja dari masa restoran itu dibuka di waktu pagi sehinggalah larut malam. Untuk semua kerja ini saya dibayar \$12 sehari. Oleh kerana terdesak, saya



Bakar

NADI INSAN, OGOS 1981

tidak banyak pilihan".

"Tetapi, saya tidak lama di situ. Saya tinggalkan tempat kerja itu bukan kerana tak tahan bekerja, tapi tak tahan dengan perangai tuan punya restoran itu. Saya tidur di kedai itu. Isteri tuan punya restoran berada di India. Tiap-tiap malam dia desak saya ada hubungan jenis dengannya. Kerana takut saya berhenti kerja."

"Lepas itu saya buat banyak kerja lain termasuk jadi budak jaga kereta. Kami kerja dalam satu kumpulan. Budak-budak lain pun sama umur dengan saya. Kadang-kadang kami ada juga curi cermin kereta dan barang-barang lain" ia meneruskan ceritanya sambil tersenyum.

"Satu hari polis datang nak tangkap kami. Dua orang kawan saya kena tangkap. Lepas itu saya fikir lebih baik pergi ke Kuala Lumpur".

Sekarang Bakar bekerja di gerai menjual nasi. Dia bekerja enam hari seminggu dan dibayar upah \$4 sehari. Dia juga diberi makan percuma. Bila disoal tentang upah yang diterimanya, Bakar berkata, "Bila kita dah susah, kita langsung tak fikir tentang soal penindasan. Yang penting ialah untuk hidup. Kalau tak ada kerja bagaimana nak hidup?"

Bila ditanya tentang masa depannya, Bakar menyatakan bahawa bila cukup besar dia ingin bekerja di kilang. Mungkin ia akan pergi ke Singapura.

#### Ah Meng Pengetuk Tin

"Memang saya suka bersekolah. Tetapi, sekarang sudah tidak ada pilihan. Saya sudah tidak lulus di sekolah. Sudah terpaksa berhenti belajar", jawab Ah Meng ketika disoal kenapa ia tidak ke sekolah lagi.

Ah Meng sekarang berusia 15 tahun dan berkerja di sebuah kedai kecil di Kuala Lumpur yang mengkhusus membuat barang-barang dari tin seperti peti-surat, tin sampah, tin minyak dll.

"Lepas berhenti sekolah saya duduk di rumah sekejap. Tapi duduk rumah saya rasa bosan. Saya

pergi cari kerja dan dapat kerja di kilang. Saya kerja di situ satu tahun lebih" tambahnya.

"Saya baru saja kerja di sini. Baru satu minggu. Saya dapat \$4 satu hari. Bapa saya pun kerja di sini. Dia dapat dekat \$30 satu hari"

Ah Meng berkerja dari pukul 8 pagi hingga 5 petang enam hari seminggu. Ia berkerja mengetuk tepi-tepi tin dan mencairkan bahan



Ah Meng

logam untuk mencantum keping-keping tin. Pengurus kedai itu sendiri mengaku bahawa kerja itu boleh jadi merbahaya. Tapi, Ah Meng berkerja tanpa memakai alat-alat pelindung. Ia tidak mempunyai sarong tangan, kasut getah dan cermin perlindungan mata. Ia juga tidak diberi pakaian yang sesuai untuk kerjanya. Malah, Ah Meng berkerja menggunakan alat pembakar gas tanpa alat-alat pelindung ini.

Seperti buruh kanak-kanak lain, Ah Meng akan terus bekerja dalam keadaan bahaya itu sampailah ia dewasa dan dapat mencapai cita-citanya. Sehingga itu, ia harus bekerja dan mungkin memikir-mikirkan masanya di sekolah dulu



# UMNO SELEPAS HUSSEIN

Faridah Ibrahim



Tokoh-tokoh UMNO: Razaleigh, Ghafar Baba, Musa Hitam

## Kenapa Ku Li Kalah?

Mengikut *Far Eastern Economic Review*: Kempen yang dijalankan oleh kedua-dua pihak yang terlibat dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO telah bermula sejak bulan April lagi. Kehebatan kempen yang dijalankan dan juga minat yang ditimbulkan oleh pertandingan ini memang tidak ada bandingannya dalam sejarah UMNO.

Terdapat juga pihak-pihak di Malaysia dan Singapura yang sibuk bertaruh dengan melibatkan berjuta-juta ringgit. Malahan ada juga berita yang melaporkan bahawa golongan peniaga di Singapura telah didesak supaya menggunakan pasaran saham untuk mempengaruhi pengundian dalam pertandingan itu. Cerita kononnya Musa adalah seorang pelampau telah ditimbulkan dengan tujuan untuk meninggikan lagi kewibawaan Razaleigh.

Rakan-rakan Cina Razaleigh di kalangan golongan peniaga merasa amat bimbang tentang kemungkinan berlakunya rombakan di Kementerian Kewangan sekiranya dia kalah. Terdapat juga kabar-kabar angin yang disebarkan secara meluas tentang usaha pembelian undi oleh peniaga-peniaga Cina yang dikatakan telah mencurah berjuta-

juta ringgit untuk kempen pihak tertentu.

Tetapi apa yang kelihatan ialah para perwakilan UMNO tidak mudah dapat dibeli. Nampaknya para perwakilan juga tidak begitu tertarik hati dengan ketokohan Razaleigh dalam bidang kewangan, yang mana beliau sering dipuji sebagai orang yang bertanggungjawab membangunkan Bank Bumiputra, Pernas, Petronas dan Institusi-institusi lain.

## Kecerdikan Musa

Tengku Razaleigh, yang telah diberi gelaran *Bapa Ekonomi Malaysia* dalam tahun 1976, nampaknya tidak sebijak Musa. Dalam kempenya, Musa langsung tidak cuba memperkecilkan kebolehan Menteri Kewangan itu.

Apa yang ditekankannya kepada ahli-ahli UMNO ialah orang-orang Melayu tidak harus bimbang tentang pencapaian matlamat ekonomi mereka. Apa yang harus mereka perjuangkan sekarang ialah memelihara dan memperkukuhkan nilai-nilai budaya dan rohaniah.

Dengan secara halus, beliau memberi amaran tentang dua musuh besar negara, iaitu komunisme, yang dikecamnya sebagai musuh kepada kehidupan rohaniah

manusia, dan kapitalisme, yang dikatakannya menggalak rakyat ter-gila-gila mengejar kebendaan dan turut mengabaikan soal-soal rohaniah.

Isu-isu yang ditimbulkan dalam kempen kedua-dua calon itu memang telah dapat memperkukuhkan sokongan dari penyokong-penyokong mereka. Tetapi persaingan untuk mendapat undi dari kalangan perwakilan yang belum memihak lagi telah berlaku atas isu lain.

Sejak lama dulu Musa telah menunjukkan dengan jelas bahawa ia mendapat sokongan Mahathir. Dia juga tidak melepaskan peluang untuk menyatakan bahawa ia tidak akan menentang Mahathir dari menjadi presiden UMNO. Sebaliknya, Razaleigh tidak pernah cuba menyembunyikan hakikat bahawa ia mempunyai cita-cita untuk melangkah naik ke atas.

Dalam kempenya di mesyuarat-mesyuarat bahagian UMNO, yang berjumlah 114 kesemuanya, Razaleigh telah mengumumkan bahawa ia hanya akan bertanding untuk merebut jawatan timbalan presiden saja dan sekiranya kalah ia akan berundur dari Kabinet.

Di samping itu, ia juga telah mendakwa yang ia pasti menang. Dia juga mengumumkan yang ia



tidak akan menentang perlintakan Mahathir sebagai presiden.

### Wayang Kulit UMNO

Apa yang berlaku selanjutnya merupakan satu pertunjukan wayang kulit politik Melayu. Beberapa pihak telah menggesa Razaleigh supaya tidak meneruskan percakapannya untuk meletakkan jawatan. Dia diberitahu bahawa khidmatnya masih diperlukan oleh negara.

Mahathir juga telah mencadangkan supaya Musa dan Razaleigh bertanding untuk lebih dari satu jawatan supaya negara dapat terus mengekalkan perkhidmatan kedua-dua pemimpin Melayu yang penting ini. Musa mengumumkan yang ia sedia menimbang secara berhati-hati cadangan Mahathir itu. Tetapi, Razaleigh telah membisu mengenai cadangan itu.

Dakwaan Razaleigh yang ia pasti menang dan keengganannya untuk memberi perhatian kepada seruan-seruan pemimpin-pemimpin UMNO yang lebih kanan telah digunakan oleh penyokong-penyokong Musa sebagai satu isu dalam kempen mereka. Tanpa berselindung, mereka menonjol keangkuhan Razaleigh yang menurut mereka kononnya sungguh memeranjatkan.

### Muslihat Musa

Menjelang hari terakhir membuat pencalonan, Musa terpaksa menimbang hakikat bahawa ahli-ahli UMNO mempunyai tabiat untuk mengekalkan pemimpin-pemimpin mereka. Oleh itu, sekiranya ia menerima pencalonan untuk kedua-dua jawatan timbalan dan naib presiden, besar kemungkinan yang perwakilan UMNO akan memilihnya sebagai naib-presiden dan memberi jawatan timbalan presiden kepada Razaleigh.

Apabila pencalonan ditutup pada 9 Jun, Musa bermain wayang kulitnya sendiri. Pada waktu pagi ia telah menerima pencalonan untuk jawatan. Tetapi satu jam sebelum

pencalonan ditutup, pembantunya telah menarik balik kertas penerimaannya untuk bertanding bagi Majlis Tertinggi.

Para perwakilan telah dapat membaca peristiwa itu dengan jelas, iaitu Musa mematuhi nasihat Mahathir, manakala Razaleigh tidak. Penyokong-penyokong Musa juga telah berkempen kononnya Musa menarik diri dari bertanding untuk jawatan naib-presiden atas nasihat *orang atas*. Pada waktu itu, para perwakilan telah membuat kesimpulan bahawa Musa adalah orang pilihan Mahathir. Apa yang kurang nyata pada ketika itu ialah pengesahan secara terbuka dari orang atas.

### Isu Harun

Sementara itu, perhatian akhbar telah ditumpukan kepada satu faktor lain, iaitu keputusan Datuk Harun Idris untuk bertanding walaupun ia masih lagi dalam tahanan. Penyokong-penyokongnya — yang diketuai oleh anaknya sendiri Mazlan Harun — mendakwa bahawa bekas ketua Pemandu UMNO itu masih mempunyai penyokong yang ramai dan memberi gambaran seolah-olah undi penyokong Harun boleh dijual-beli.

Harun sendiri telah memohon



Dato' Harun

untuk mendapat pengampunan dari Yang Di Pertuan Agong. Tanpa pengampunan ini, masa depannya dalam politik akan terbatas.

Di samping itu, Pindaan kepada Akta Pertubuhan yang baru diluluskan itu, juga akan menghalang beliau dari memegang jawatan dalam UMNO. Malah, pada ketika itu, kemungkinan yang beliau boleh bertanding masih diragui.

Walaupun orang ramai mempercayai bahawa undi penyokong Harun adalah penting, tetapi mereka yang berkempen untuk Musa dan Razaleigh tidak begitu yakin yang perkara ini benar. Kedua-dua mereka agak keberatan untuk berhutang budi dengan Harun kerana takut yang masa depan mereka akan terikat.

Sekiranya mereka berjaya membuat perjanjian dengan Harun dan mencapai kemenangan, ini bermakna mereka mesti berusaha mendapat pengampunan untuk Harun. Seterusnya, apabila Harun memperoleh pengampunan ia boleh menjadi pencabar hebat kepada mereka di medan politik.

Orang-orang Musa memberitahu *REVIEW* bahawa Musa telah enggan untuk berunding dengan penyokong Harun. Tetapi, Razaleigh telah memihak kepada Harun dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang diadakan pada 14 Jun. Dalam mesyuarat itu, beliau telah menyatakan bahawa tidak ada sebab kenapa Harun tidak boleh bertanding dalam pemilihan pemimpin UMNO yang akan diadakan nanti.

Hussein Onn juga telah, memberitahu mesyuarat itu bahawa tidak terdapat sesuatu peraturan dalam perlembagaan UMNO yang boleh menghalang seseorang ahli dari bertanding. Beliau sendiri tidak memberi pandangan peribadinya mengenai isu tersebut dan ini sungguh memeranjatkan ahli-ahli MT. Akhirnya, mesyuarat itu memutuskan untuk membenarkan Harun bertanding.



Lepas itu, penyokong Harun memberitahu secara terbuka bahawa Razaleigh telah memenuhi janjinya dan sekarang giliran mereka pula memenuhi janji mereka dengan memberi undi mereka kepadanya. Keputusan pemilihan timbalan presiden itu menunjukkan bahawa jika penyokong-penyokong Harun benar-benar menyokong Razaleigh, bilangan undi mereka amatlah terhad. Dari jumlah undi sebanyak 1,244, Razaleigh hanya dapat memperoleh 517 undi sahaja.

Beberapa hari sebelum pengundian diadakan, Razaleigh telah menghadapi beberapa peristiwa yang sungguh memeranjatkannya. Di majlis pembukaan musabiqah Al-Qur'an peringkat kebangsaan, Hussein Onn telah bercakap dengan panjang lebar tentang pentingnya dipelihara nilai-nilai rohaniah dan mengesahkan amalan buruk yang semakin menjadi-jadi dalam dunia perniagaan.

Empat hari kemudian, tatkala meresmikan majlis meletak batu asas bangunan UMNO, yang dijangka akan menelan belanja sebanyak \$160 juga, Hussein Onn langsung tidak menyebut tentang jumlah wang yang telah dikumpul atas daya usaha Razaleigh.

Akhir sekali, dalam ucapannya sebelum ahli-ahli perwakilan pergi membuang undi, Hussein Onn telah bercakap dengan panjang lebar mengenai isu pelajaran dan keperluan rohaniah rakyat. Ketiga-tiga ucapan beliau itu telah dianggap oleh para perwakilan sebagai pengesahan sokongannya kepada Musa.

## KESILAPAN RAZALEIGH

### Mengikut Asiaweek:

Apakah kesilapan dalam rancangan Razaleigh, yang telah disusun dengan teliti, untuk naik setapak lagi dalam susunan pucuk pimpinan UMNO? Seorang ahli UMNO memberitahu *Asiaweek*:  
NADI INSAN, OGOS 1981

"Mungkin rancangan-rancangannya tidak diatur secara tersusun".

Langkah pertama Razaleigh dalam kempennya adalah amat ketara sekali. Beliau berkata, "Sudahlah sampai masanya bagi saya dinaikkan pangkat dari *lance-corporal* ke sarjan selepas berkhidmat dengan parti begitu lama."

"Saya tetap akan bertanding untuk jawatan (timbangan presiden) itu sekiranya wujud kekosongan. Saya yakin akan memperolehi kemenangan dengan mudah". Walaupun beliau membantah keesokan harinya bahawa sedutan itu telah dipetik di luar konteksnya, tetapi usaha kempennya telah tercemar.

Kecemaran dalam usaha kempennya bertambah buruk lagi apabila Razaleigh berikrar akan mengundurkan diri dari Kabinet sekiranya ia kalah. Ia juga membayangkan bahawa sekiranya ahli-ahli UMNO telah kehilangan kepercayaan terhadapnya, ia akan memikirkan semula masa depannya dalam parti — satu ancaman yang membimbangkan ahli-ahli lama UMNO dan menimbulkan cadangan supaya negeri ini mempunyai dua orang timbalan perdana menteri. Walau bagaimanapun, cadangan itu telah dengan cepat ditolak oleh Mahathir.

Menurut pemerhati-pemerhati politik UMNO, pendekatan Razaleigh yang berbentuk mengancam itu — serta pengumumannya di peringkat awal pertandingan yang ia hanya akan bertanding untuk satu jawatan saja dan akan meninggalkan kabinet sekira kalah — telah menyebabkan beliau kehilangan sokongan di kalangan setengah perwakilan UMNO.

Menyedari akan kesilapannya itu, Razaleigh berhenti dari membuat pengumuman tentang pencalonannya dan telah menolak permintaan untuk ditemu-soal oleh wartawan. Selepas kekalahannya, ia memberitahu para wartawan dengan suara yang perlahan: "Saya telah mengambil keputusan dan

membuat satu perndirian. Tengoklah apa yang akan saya lakukan untuk masa depan saya".

### Isu MPH menguasai UMBC

Satu lagi faktor yang menyebabkan kekalahan Razaleigh ialah kejayaan pihak lawannya menjadikan percubaan Multi-Purpose Holdings (MPH), yang merupakan badan pelaburan MCA, untuk membeli 51% daripada jumlah saham dalam UMBC sebagai satu isu.

Ahli-ahli UMNO merasa tidak senang hati dengan percubaan mengambilalih UMBC itu dan juga dengan persetujuan yang telah dicapai tetapi belum diumumkan. Adalah dilaporkan bahawa Razaleigh secara senyap-senyap telah meredakan keadaan dengan memberi MPH 40% saham UMBC dan menaikkan bahagian saham bank itu yang dimiliki oleh Pemas kepada 40% juga.

Tuduhan telah dibuat bahawa MCA menyokong Razaleigh. Ketua Pemuda UMNO, Datuk Suhaimi Kamaruddin, telah memberi amaran pada hari menjelang perhimpunan agong UMNO: "Kita mesti memberi perhatian kepada kejayaan golongan bukan-bumiputra di mana dalam sektor swasta, sehingga 1980, mereka telah berjaya mencapai 40% [penglibatan dalam ekonomi], kita mesti pelahankan pencapaian mereka...".

MCA, yang menghadapi masalah dalam rumah tangganya sendiri, telah menyatakan bahawa mereka tidak menyokong mana-mana calon untuk timbalan presiden. Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, memberitahu wartawan *Asiaweek* David Lazarus: "Kami akan berkerjasama dengan siapa saja yang menang".

### Sebab Utama

Satu sebab yang mungkin dapat menerangkan kegagalan Razaleigh ialah bahawa Mahathir lebih suka Musa menjadi timbalannya, walaupun bakal presiden itu telah menafikan khabar angin ini.



Seorang penyokong Razaleigh dengan nada yang amat marah telah berkata: "Sejak kebelakangan ini, UMNO telah mempunyai sejarah campurtangan. Di masa Tengku dulu, pemilihan dijalankan secara bebas. Tetapi di bawah pimpinan Tun Razak dan Datuk Hussein Onn, polisi memilih calon yang disukai telah menjadi satu amalan".

#### Pendekatan Musa

Cara Musa menjalankan kempennya juga adalah amat berbeza dari cara Razaleigh. Beliau bertindak secara tidak tergesa-gesa dan amat berhati-hati sehingga kelihatan seolah-olah ia begitu keberatan untuk bertanding. Beliau juga telah membuat seluruh negara tertanya-tanya untuk beberapa ketika sama ada ia akan bertanding atau tidak.

Selepas menyatakan yang beliau akan bertanding, orang ramai masih tidak tahu sehingga saat terakhir sama ada ia hanya akan bertanding untuk jawatan timbalan presiden saja. Malahan beliau telah menghantar dua surat penerimaan pencalonan — satu untuk jawatan timbalan presiden dan satu lagi untuk jawatan naib-presiden — tetapi akhirnya telah menarik balik surat penerimaan pencalonannya untuk jawatan naib-presiden.

Di samping itu, beberapa orang penyokong Musa mengakui bahawa di dalam dewan persidangan itu terdapat satu golongan besar yang berempati dengan Musa. Kira-kira 40% dari kesemua perwakilan UMNO adalah terdiri dari guru-guru.

#### WARISAN HUSSEIN ONN

K. Das (*Far Eastern Economic Review*) Sekiranya kebolehan untuk berkomplot dan menjual-beli pengaruh merupakan satu syarat untuk memegang jawatan perdana menteri, maka Datuk Hussein sudah tentu tidak layak memegangnya. Berkali-kali beliau telah menggemparkan seluruh negeri dengan mengambil tindakan yang tidak di-

gemari ramai.

Beliau telah menggugurkan Encik Ghafar Baba, seorang pemimpin UMNO yang sentiasa memenangi jawatan naib-presiden parti itu, dari kabinetnya. Beliau selanjutnya telah melantik seorang pemimpin UMNO yang tidak disenangi oleh orang Cina, Datuk Seri Mahathir Mohamad, sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Selepas itu, beliau telah memen-



Datuk Hussein Onn

ranjatkan ahli-ahli UMNO dan juga seluruh rakyat dengan memecat. Datuk Harun Idris — yang ketika itu menjadi Ketua Pemuda UMNO dan Menteri Besar Selangor — dari UMNO selepas beliau didakwa menerima rasuah.

Pertentangan antara Harun dengan Hussein ini telah mempengaruhi perkembangan politik sepanjang masa Hussein Onn menjadi Perdana Menteri dan telah menyebabkan perpecahan dalam UMNO yang masih belum diatasi lagi. Dengan mengerahkan pasukan polis pencegah rusuhan secara besar-besaran, Hussein Onn telah dapat mententeramkan keadaan tegang yang ditimbulkan oleh penyokong-penyokong Harun. Beliau juga telah dapat menegaskan kepada seluruh rakyat bahawa tekanan politik tidak akan dapat mempengaruhi perjalanan undang-undang di negeri ini. Akhirnya, Harun masuk

penjara.

Tidak lama lepas itu, Ketua Menteri Sabah, Tun Mustapha Harun, yang memerintah negeri itu secara kekerasan dan telah menjadi kaya raya, telah disingkir juga dengan cara yang hampir sama. Hussein Onn telah memastikan yang pilihanraya negeri pada tahun 1976 dijalankan secara bersih. Akibatnya, kekuasaan Mustapha, yang dibinanya berasaskan rasuah, telah tumbang.

Datuk Asri Muda, pemimpin Melayu yang ketiga kuatnya dan ketua PAS, juga turut dihancurkan. Malahan, kubu kuatnya di Kelantan telah diambil alih oleh UMNO dalam pilihanraya negeri yang diadakan dalam tahun 1978. Kekalahan PAS di Kelantan telah membolehkan UMNO berkuasa di negeri itu buat pertama kalinya selepas 19 tahun.

Hussein Onn, seorang yang sentiasa percaya akan pemerintahan undang-undang, akhirnya mengundurkan diri selepas membuat berbagai-bagai pindaan ke atas perlembagaan dan undang-undang negeri ini sehingga ia akan diingati sebagai seorang yang mengutamakan keperluan politik.

Ketika beliau menjadi perdana menteri, Akta Keselamatan Dalam Negeri — yang pada mulanya dimaksudkan untuk menentang pemberontakan komunis — telah digunakan untuk menahan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tanpa dibicarakan atas alasan untuk menjaga keselamatan negara.

Undang-undang buruh juga telah dipinda untuk memberi kuasa yang lebih kepada Menteri Buruh. Pindaan juga telah dilakukan ke atas Akta Pertubuhan 1966, dan akibatnya sekarang ini perbincangan politik di luar parti politik adalah amat sukar untuk dijalankan.

Dengan pindaan perlembagaan yang terbaru, pihak kerajaan telah diberi kuasa untuk mengistiharkan dharurat hanya dengan alasan yang ia menjangkakan satu krisis akan berlaku. **NI**



# PEMBUNUHAN ZIA DI BANGLADESH

Aminah Junid

Rampasan kuasa dan pembunuhan di Bangladesh mempunyai sejarah politik dan pertentangan dalam tentera

Dalam bulan Julai 1971, tiga orang pegawai muda tentera Bangladesh, yang terkandas di Pakistan Barat apabila tentera Pakistan sedang cuba menghancurkan pejuang-pejuang pembebasan di Dacca, telah berjaya melarikan diri ke India. Ketiga-tiga pegawai itu kemudiannya telah memainkan peranan penting dalam perjuangan pembebasan di Bangladesh. Mereka juga merupakan tokoh penting dalam arena politik di Bangladesh selepas negara itu mencapai kemerdekaannya. Tiga orang pegawai tentera itu ialah Major Abu Taher, Major Mohammed Zaiuddin dan Major Manzur Ahmed.

## Pertentangan Tentera dan Mujib

Semasa peperangan pembebasan tiap-tiap seorang dari mereka telah diberi kuasa memerintah satu sektor. Selepas mencapai kemerdekaan, Zaiuddin telah diberi kuasa memerintah Briged di Dacca, yang merupakan pasukan infantri yang terbesar di negeri itu, Taher pula diberi kuasa memerintah Briged ke 44 di Comilla. Aturan ini telah membolehkan kedua pegawai ini menguasai 90% daripada pasukan infantri di Bangladesh. Tetapi, tidak lama selepas kemerdekaan, ketiga-tiga pegawai itu mendapati diri mereka bertentangan dengan kerajaan Sheikh Mujibur Rahman.

Dalam tahun 1972, Ziauddin dan Taher telah menentang percubaan kerajaan Mujib untuk membina semula pasukan tentera di negara itu mengikut cara lama.

Dalam briged di Comilla, konsep 'tentera yang boleh menghasilkan' telah berkembang. Kedua-dua pegawai tersebut berpendapat bahawa dalam sebuah negara yang mundur dan miskin, tentera yang dibentuk mengikut tradisi penjajah dulu hanya membebaskan rakyat dan menjadikan negeri itu bergantung kepada bantuan tentera dari negara asing.

Mereka sebaliknya mencadangkan satu polisi berdikari di mana anggota tentera dikehendaki melibatkan diri mereka sebagai pekerja dalam usaha pengeluaran dan bukan hanya sebagai pengguna. Anggota tentera harus membantu dalam pengeluaran barang makanan dan memulakan kerja-kerja pembinaan di kampung-kampung.

Di daerah Comilla, di mana percubaan ke arah ini telah diusahakan secara serius, anggota tentera telah berjaya menghasilkan 500,000 biji nenas dan telah memulakan usaha menanam secara intensif. Semua pegawai dan anggota tentera biasa telah dikehendaki berkerja pada tiap-tiap hari. Tetapi, percubaan ini tidak kekal lama. Di penghujung tahun 1972, kedua-dua Ziauddin dan Taher, yang ketika itu telah menyandang pangkat kolonel, telah diberhentikan dari perkhidmatan tentera oleh Mujib kerana pandangan sosialis mereka dalam bidang ketenteraan.

## Manzur dan Politik Bangladesh

Sementara itu, Manzur, yang telah berpangkat kolonel, menghadapi masalah walaupun ia tidak kehaluan dengan kedua-dua rakan-nya. Dalam tindakan membasmi kegiatan penyeludupan pada awal

tahun 1974, pasukan Manzur telah menangkap beberapa orang ahli Liga Awami pimpinan Mujib yang disyaki terlibat dalam kegiatan penyeludupan. Walaupun terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa mereka itu bersalah, tetapi Mujib telah memerintahkan supaya ahli-ahli partinya dibebaskan.

Manzur sungguh keciwa dengan peristiwa itu. Malah ia telah memohon supaya ia ditukarkan ke jawatan lain sekiranya ia tidak dibenarkan menjalankan tugasnya. Tidak lama selepas itu ia telah dihantar ke New Delhi untuk menyandang jawatan atasey tentera di Pejabat Persurujaya Tinggi Bangladesh di situ. Semasa berada di sana beliau telah mengepalai delegasi Bangladesh dalam rundingannya yang berpanjangan dengan India untuk mendapat semula sejumlah besar senjata yang telah ditawan oleh India dan dipindah keluar dari Bangladesh selepas perang pada tahun 1971.

Manzur tinggal di New Delhi sehingga tahun 1975. Dalam bulan Ogos 1975, apabila Mujib dibunuh oleh pegawai muda tentera yang berhaluan kanan dan Khondaker Mushtaqe Ahmed mengambil alih kuasa di Bangladesh, Manzur masih berada di luar negeri. Tidak lama selepas itu, Mushtaqe Ahmad pula digulingkan dalam satu rangkaian peristiwa yang berakhir dengan pemberontakan bersenjata di Dacca pada 7 November, 1975.

## Zia Berkuasa

Pemberontakan itu berkembang dengan cepatnya ke semua daerah di negeri itu dan mendapat sokongan dari orang ramai. Pemimpin



tentera dalam pemberontakan itu ialah Taher. Dalam dua belas tuntutan yang dikemukakan pada hari pertama pemberontakan itu, pihak tentera telah mengumumkan falsafah tentang peranan yang harus dimainkan olehnya. Mereka menuntut supaya dibentuk satu masyarakat tanpa kelas dan juga pasukan tentera tanpa kelas.

Pemberontakan 7 November itu telah membawa Maj. Gen. Ziaur Rahman ke puncak pimpinan di Bangladesh. Tetapi, tidak lama selepas itu gabungan kuasa politik yang menyokong pemberontakan itu telah berpecah belah pula dengan Zia menghalakan tentangnya terhadap golongan kiri yang disertainya buat seketika waktu dulu. Malah, golongan itu telahpun menyelamatkan nyawa Zia pada 7 Nov. apabila ia ditawan oleh Brig. Khaled Musharaf.

Di penghujung bulan Nov. 1975 Zia telah menahan Taher dan beberapa ratus orang penyokongnya. Pada ketika ini, Manzur timbul semula dalam politik Bangladesh. Meskipun Manzur tidak pernah menyokong pandangan radikal Taher dan Ziauddin, ia juga tidak bersetuju dengan sikap tamak kuasa yang semakin ditunjukkan oleh Zia.

#### **Pertentangan Zia—Manzur**

Tanda pertama yang menunjukkan kegentingan dalam hubungan antara Zia dan Manzur telah timbul dalam bulan Julai 1976 dan berpunca dari pertikaian mengenai pembicaraan ke atas Taher yang dijalankan secara sulit dalam Penjara Pusat Dacca. Taher telah digantung mati pada 21 Julai 1976. Di kalangan pegawai kanan tentera, hanya Manzur seorang saja yang telah menentang secara terbuka hukuman mati yang dijatuhkan ke atas Taher. Selepas Taher digantung mati, hanya dia seorang saja di antara pegawai-pegawai tentera yang masih berkhidmat yang telah melawat balu Taher dan menyam-

paikan ucapan takziahnya. Menurut sumber-sumber dari Dacca, Manzur tidak menentang Taher dihukum. Tetapi, yang ditentangnya ialah hukuman mati yang dijatuhkan ke atas golongan pembangkang.

Selepas Taher digantung mati, ramai lagi pembangkang-pembangkang lain yang telah menerima nasib yang serupa. Dalam bulan Oktober 1977, satu pemberontakan baru meletus di daerah Bogra dan Dacca. Pemberontakan itu dimulakan oleh puak tentera berhaluan kanan yang bersimpati dengan Mushtaque dan kumpulan yang membunuh Mujib. Tetapi, selepas itu golongan radikal pula telah turut menyertai pemberontakan itu.

Pemberontakan itu telah dihapuskan dengan ganas sekali. Menurut sumber-sumber dari Dacca, lebih dari 1,000 orang telah dihukum mati dengan serta merta dan tanpa dibicarakan.

Manzur, yang ketika itu menjadi ketua pegawai tinggi tentera di ibupejabat tentera, telah menyokong Zia menentang pemberontak itu. Tetapi, sekali lagi ia telah membantah tindakan membunuh pemberontak itu secara beramai-ramai. Selepas peristiwa itu, Zia telah ditukarkan untuk mengambil alih kuasa memerintah pasukan tentera di Chittagong.


Walaupun begitu, Zia telah sanggup menerima sebahagian daripada teguran yang dibuat oleh Manzur dan pegawai-pegawai tentera lain — iaitu Zia terpaksa membuat pilihan samada meninggalkan tentera dan tertanding dalam pilihanraya untuk jawatan Presiden ataupun terus kekal sebagai ketua tentera dan menyerah kuasa kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih. Zia telah memutuskan untuk bertanding sebagai presiden dan terus memenangnya. Pada masa itu, ramai dari penentangnya masih lagi ditahan dalam penjara. Selepas memenangi jawatan Presiden, Zia telah berhenti menjadi ketua-turus ang-

katan tentera.

Perbalahan antara Zia dan Manzur tetap berterusan. Perkara yang diperbalahkan ialah: di kawasan dataran bukit Chittagong; soal pihak pemerintah merestui kepulauan ke Bangladesh anasir-anasir yang telah bekerjasama dengan Pakistan dalam perang pada tahun 1971; dan tindakan kerajaan memulakan semula perbicaraan ke atas anggota-anggota tentera.

#### **Masalah Di Dataran Bukit Chittagong**

Selama tiga tahun yang lalu, puak minoriti Chakma di kawasan Chittagong telah bangkit menentang secara bersenjata kerajaan



**Mujibur Rahman**

Dacca. Mereka menuntut diberi autonomi dan perlindungan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembangan. Surat khabar di Dacca sering membawa berita tentang kezaliman pihak tentera memusnahkan perkampungan puak Chakma. Tiga bulan lalu, Zia pernah mengaku secara terbuka dalam satu temubualnya dengan seroang ahli akademik Amerika bahawa kerajaan Dacca sedang merancang untuk menempatkan antara 200,000 hingga 300,000 orang Bengal di kawasan dataran bukit Chittagong.

Walaupun tentera yang menjalankan operasi di kawasan Chittagong berada di bawah pemerintahan

**NADI INSAN, OGOS 1981**



Manzur, tetapi terdapat laporan yang mengatakan bahawa beliau sendiri merasa tidak senang hati tentang tindakan tentera itu. Beliau merasakan yang tindakan orang Bengal terhadap puak minoriti Chakma adalah sama buruknya dengan tindakan orang Punjab terhadap orang Bengal semasa Bangladesh belum mencapai kemerdekaan. Beliau pernah berkata bahawa masalah di kawasan itu hanya boleh diselesaikan melalui rundingan politik dan bukan dengan kekerasan tentera.

### Perbicaraan di Dacca

Unsur utama yang meruncingkan lagi permusuhan antara Zia dan Manzur ialah satu perbicaraan besar di makamah tentera di Dacca yang bermula dalam bulan Mac dan berlangsung selama enam minggu. Di antara banyak perbicaraan yang telah dijelaskan dalam masa enam tahun yang lalu, pihak pemberita buat pertama kalinya telah dibenarkan hadir dalam perbicaraan khas ini. Selama enam minggu, berita perbicaraan itu telah disiarkan di muka hadapan akhbar-akhbar di Bangladesh.

Pihak pendakwa tentera telah menuduh anggota tentera dan orang awam yang didakwa sebagai cuba menyusun satu gerakan bawah tanah di kalangan anggota tentera dengan tujuan menyebarkan fahaman sosialis dan menubuhkan *biplopi parishads* (jawatankuasa revolusioner) supaya dapat mencapai matlamat pemberontakan November 1975. Pihak pendakwa juga menuntut supaya hukum mati dijatuhkan ke atas mereka yang didakwa. Ketua-ketua di kalangan mereka yang dituduh itu adalah dari unit-unit di Dacca.

Apabila perbicaraan itu dimulakan, pihak didakwa telah menarik balik pengakuan mereka dengan mendakwa bahawa mereka telah membuat pengakuan setelah disiksa secara fizikal dan mental dengan teruknya. Malah mereka telah men-

dakwa bahawa mereka bersetuju menandatangani surat pengakuan itu setelah diugut yang mereka akan dibunuh sekiranya enggan mengaku.

Pengaduan mereka itu telah memalukan pihak pendakwa. Di samping itu, oleh kerana ramai daripada mereka yang dituduh adalah terdiri dari penerima-penerima anugerah bintang kepahlawanan yang tertinggi atas khidmat cemerlang mereka dalam perang tahun 1971, pengaduan mereka juga telah menimbulkan perasaan tidak senang hati bukan sahaja di kalangan penyokong politik mereka malah di kalangan sebahagian dari angkatan tentera yang terlibat secara



Ziaur Rahman

langsung dengan perjuangan pada tahun 1971.

### Zia Mengenenepikan Manzur

Adalah dilaporkan juga bahawa Jabatan Perisik Tentera Pertahanan (JPTP), perkhidmatan perisik tentera yang utama di bawah Maj. Gen. Mahabat Jan Choudhury, telah cuba membuat penangkapan atau sekurang-kurangnya penyiasatan — ke atas beberapa orang anggota tentera di unit Chittagong yang dipimpin oleh Manzur. Tetapi, sehingga berlakunya pemberontakan yang terbaru ini, tiada tangkapan yang dilakukan. Manzur dikatakan telah menentang perbicaraan ke

atas "kumpulan 16 Jun" itu dan juga terhadap usaha-usaha JPTP untuk menyingkir lebih ramai lagi anggota angkatan tentera.

Penyiasatan JPTP semakin jelas menunjukkan bahawa ianya adalah bertujuan untuk menyingkir Mukti Bahini, iaitu bahagian dalam angkatan tentera yang terlibat secara langsung dengan perang pembebasan, dari angkatan tentera. Ini merupakan satu lagi pertunjuk tentang keadaantegang di antara golongan Mukti Bahini dengan golongan yang pulang dari Pakistan dalam tahun 1974 dan dengan itu tidak terlibat secara langsung dengan perang pembebasan 1971.

Sebaik sahaja selepas kemerdekaan, Manzur, Taher, Ziauddin dan juga Zia telah cuba mengambil anggota-anggota tentera dari kalangan mereka yang terlibat secara langsung dengan perjuangan pembebasan dalam tahun 1971. Pegawai-pegawai dan anggota tentera yang berkhidmat dengan tentera Pakistan dan dihantar pulang selepas perang 1971 — termasuk mereka yang bersikap berkecuali — harus diberhentikan dari perkhidmatan tentera walaupun mereka tidak seharusnya dianiayakan sebagai orang awam.

Tetapi, selepas kematian Mujib dalam tahun 1975, pegawai-pegawai yang dihantar pulang dari Pakistan selepas perang 1971 telah diserap ke dalam angkatan tentera secara beramai-ramai. Malah, mereka telah dapat menguasai seluruh bahagian pegawai tentera. Walaupun Zia sendiri merupakan seorang pegawai dari golongan Mukti Bahini, tetapi beliau telah merasakan perlu dari segi politik untuk bergantung kepada golongan tentera yang dihantar pulang itu, selepas perang 1971. Tujuannya ialah untuk mengguna mereka sebagai faktor pengimbang kepada golongan yang terlibat dengan peperangan pembebasan.

Tiga bulan lalu, Zia telah cuba menyingkir Manzur dari menjadi ketua pemerintah tentera di Chitta-



gong tetapi gagal. Adalah dilaporkan juga bahawa JPTP telah mendesak supaya ia dibenarkan menyiasat unit tentera di Chittagong. Tetapi, Zia sedar bahawa Manzur tidak mudah di arah untuk membenarkan penyiasatan itu. Oleh itu, ia telah mencadang supaya Manzur menerima jawatan sebagai duta besar di luar negeri. Tetapi, cadangan itu ditolak oleh Manzur.

Manzur tetap tinggal di Chittagong sehingga minggu terakhir bulan Mei apabila Zia tiba di situ dengan keazaman untuk menyingkirnya buat selama-lamanya. Menurut berita yang tidak dapat disah-

kan sehingga kini, Zia telah pergi ke Chittagong dengan arahan memin-dah Manzur ke Maktab tentera. Menurut laporan itu, peristiwa itu berlaku sehari sebelum Zia di-bunuh.

Banyak persoalan yang belum terjawab lagi. Orang ramai masih lagi tidak mengetahui sama ada Manzur sendiri yang memerintah serangan ke atas tempat kediaman ataupun serangan itu dilakukan oleh segolongan anggota tentera di Chittagong yang mempunyai hubungan rapat dengan mereka yang dibicarakan di Dacca. Golongan itu, yang merasakan ba-

hawa mereka juga akan ditahan setelah Manzur dipindahkan dari Chittagong, mungkin telah melancarkan serangan tersebut dan kemudiannya melantik Manzur sebagai pemimpin dan jurucakap mereka. Akibat keadaan kelam-kabut yang timbul berikutan dengan peristiwa itu, dan juga kematian Manzur setelah beliau ditangkap, fakta sebenar mengenai penglibatan Manzur dalam pembunuhan Zia akan mengambil masa yang lama untuk diketahui — itu-pun kalau dikeluarkan. (NI)

## MASA DEPAN

# BANGLADESH KECOH

Mary Ling

Presiden Ziaur Rahman telah mati dibunuh dalam satu percubaan rampasan kuasa di Bangladesh baru-baru ini. Kematianannya bukan sahaja telah menimbulkan masalah untuk mengisi kekosongan di pucuk pimpinan negara itu, malah ia juga telah mengakibatkan negara itu menghadapi masa depan yang tidak tentu.

Nampaknya rampasan kuasa yang gagal itu adalah akibat dari pertentangan antara pemimpin-pemimpin tentera di negara tersebut. Sekarang ini, kemungkinan untuk mendapat seorang pemimpin tentera baru yang boleh menyatukan berbagai puak dalam tentera di negara itu masih lagi tidak jelas. Persoalan-persoalan berikut juga tidak mempunyai jawapan yang pasti. Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh golongan politik yang bukan dari tentera? Apakah

kesan pergolakan terbaru ini ke atas ekonomi Bangladesh? Sejauh mana pula perkembangan terbaru ini menjejaskan hubungan antara Bangladesh dengan India?

Naib Presiden Abdus Sattar, yang mengambil alih sebagai Pemangku Presiden selepas kejadian terbaru ini, berada dalam keadaan uzur dan tidak mempunyai sokongan kuat dari rakyat ramai. Beliau pun sudah berumur 76 tahun.

Motif pemberontak-pemberontak itu masih belum jelas lagi. "Majlis Revolusi" yang ditubuhkan oleh perampas kuasa itu telah berikrar akan "mendirikan satu pentadbiran yang bersih, tidak korup dan boleh diterima ramai". Gen. Manzur, pemimpin pemberontakan itu, telah juga mengirim satu kawat kepada Ketua Turus Tentera, Gen. Ershad, mencadangkan supaya

mereka berkerjasama untuk menghapuskan ahli politik yang korup. Tindakan ini menunjukkan bahawa pada mulanya penglibatan anggota tentera dalam rancangan rampasan kuasa itu adalah agak meluas. Ia juga menunjukkan bahawa pemberontakan itu merupakan satu percubaan untuk menyatukan pihak tentera untuk menentang golongan orang awam yang telah berkerjasama dengan Gen. Zia dalam masa dua tahun kebelakangan ini.

Ramai pemerhati politik telah menyarankan juga bahawa Gen. Manzur, seorang pembantu karib Gen. Zia semasa peperangan untuk mencapai kemerdekaan dari Pakistan dalam tahun 1971, mungkin telah bertindak untuk mencapai cita-citanya sendiri. Menurut mereka, Gen. Zia telahpun mencurigai kemungkinan berlakunya perkara ini. Itu sebabnya, menurut mereka



lagi, kenapa ia telah memindahkan Gen. Manzur ke markas tentera yang jauh dari Dacca, yang merupakan pusat berbagai kegiatan sulit politik dan tentera di negeri itu. Malah Manzur sepatutnya akan dipindahkan ke suatu jawatan tentera yang tidak mempunyai kuasa memerintah pada Jun ini. Perkara ini mungkin dapat menerangkan kenapa percubaan rampasan kuasa itu berlaku pada masa itu.

Keinginan untuk menentang ahli-ahli politik yang korup memang merupakan alasan utama kenapa pihak tentera mahu melibatkan diri mereka dalam pentadbiran kerajaan di Bangladesh sejak Mujibur Rahman, pemimpin sulung negeri itu, digulingkan dalam tahun 1975. Malah, apabila Presiden Zia memulihkan semula demokrasi, walaupun hanya pada nama saja, di Bangladesh selepas satu pemungutan suara dalam tahun 1978, ia masih mengekalkan orang-orang kuat tentera di jawatan-jawatan penting.

Walaupun pihak pembangkang dari kalangan orang awam telah mendakwa bahawa Pemungutan Suara 1978 dan Pilihanraya 1979, di mana Parti Kebangsaan yang dipimpin oleh Gen. Zia memenangi lebih dari dua pertiga kerusi parlimen, telah dijalankan secara tidak jujur, tetapi pihak tentera tidak menimbulkan kenapa tiada kumpulan yang sanggup bangkit menentangnya pada masa itu ialah ingatan mereka tentang cara zalim Gen. Zia menghancurkan dua pemberontakan tentera yang berlaku sebelum itu. Salah satu dari pemberontakan itu, yang berlaku dalam tahun 1977, mempunyai sokongan yang luas di kalangan anggota tentera udara.

Tetapi, apabila Gen. Zia menubuhkan pasukan tentera sukarela di kawasan desa atas alasan untuk menjayakan projek pembangunan desa secara bantu-diri, kedua-dua pihak pembangkang dari kalangan awam dan tentera mula merasa

cemas. Pihak tentera mentafsirkan tindakan itu sebagai satu percubaan oleh Gen. Zia untuk melepaskan pengantungannya ke atas mereka dan sebaliknya mendirikan satu barisan penyokong bersenjata yang meluas untuk mencapai cita-citanya sendiri.

Zia mengambil alih kuasa di Bangladesh dalam tahun 1975 berlandaskan satu kempen bercorak kebangsaan dan popular yang dilancarkan oleh golongan muda dalam angkatan tentera. Dia telah dilantik menjadi ketua kerajaan berdasarkan persetujuan yang dia akan mengambil langkah untuk mengagihkan kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai oleh golongan tentera, petani dan pe-



Abdus Sattar — dicalonkan sebagai Presiden

kerja. Tetapi, apabila kedudukannya mula kukuh, Zia telah menyingkir golongan progresif itu dari angkatan tentera.

Menghadapi ancaman yang mereka akan dimusnahkan oleh Zia, golongan progresif itu telah terpaksa bergerak secara sulit dan melancarkan kegiatan perang gurila dari pengkalan mereka yang terletak di kawasan bukit-bukit dekat Chittagong. Manzur mungkin mengharapkan sokongan dari kumpulan ini apabila ia melancarkan percubaan merampas kuasa itu.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Zia telah membuat banyak perubahan besar dalam polisinya

dan telah membentuk satu pakatan dengan kuasa-kuasa imperialis. Pada tahun lalu, Bank Dunia telah memberi pinjaman dan bantuan berjumlah US\$1,300 juta kepada kerajaannya. Walaupun salah pengurusan ekonomi Bangladesh telah dikecam secara resmi oleh pegawai Bank Dunia, tetapi bank itu masih sanggup menimbang dan meluluskan bantuan sebanyak US\$2,000 juta kepada kerajaan Zia untuk tahun 1981.

Dengan kematian Zia, tiada seorang pemimpin ataupun puak yang benar-benar dapat menguasai keadaan di negara itu secara menyeluruh. Ketua Turus Tentera, Gen. Ershad, mungkin mempunyai peluang untuk menjadi pemimpin baru Bangladesh. Tetapi, sejauh mana beliau dapat menyatukan puak-puak dalam tentera masih belum begitu jelas lagi.

Dari kalangan orang-orang awam, nama yang terpenting sekali sekarang ini ialah Hasina Wazid, anak perempuan Mujib. Hasina telah dipilih sebagai Pengerusi parti pembangkang, Liga Awami, semasa beliau berada dalam buangan di India. Beliau pulang ke Bangladesh pada bulan Mei lalu dan telah dianggap sebagai pencabar utama kepada kerajaan Zia. Setibanya Hasina di Bangladesh, beliau telah disambut dengan begitu meriah sekali walaupun sebelum itu pihak kerajaan telah menjalankan propaganda yang menuduhnya sebagai seorang agen kerajaan India.

Sama ada tindakan pihak pemberontak itu merupakan satu usaha menyokong atau menentang usaha Hasina akan terus menjadi satu tandatanya yang tidak berjawab.

Walaupun banyak persoalan yang masih tidak berjawab, tetapi adalah jelas bahawa masa depan Bangladesh akan ditentukan oleh sokongan awam terhadap Hasina dan pemimpin-pemimpin tentera yang baru — dan juga sama ada kedua-dua kumpulan ini mahu bersatu ataupun tidak. (NI)






# Peta Yang Mengelirukan



PETA DUNIA KETIGA



Peta yang dibuat oleh Mercator dalam abad ke-16 (bergaris hitam di bahagian tengah) hanya berpusat pada *Eurocentrism*. Negara-negara yang berhampiran dengan kutub utara kelihatan lebih besar dari negara-negara yang berdekatan dengan khattulistiwa.

Dr. Arno Peters, 61, dari Bremen, Jerman Barat telah mengambil masa yang lama untuk memberikan satu gambaran yang jujur dengan menunjukkan semua negeri di dunia dengan ukurannya yang sebenar dalam hubungan mereka dengan negeri-negeri lain.

Oleh kerana Mercator telah mengecilkan ukuran sebenar benua-benua Afrika, Amerika Selatan dan Asia Selatan, maka dalam peta Peters, kawasan-kawasan ini nampak lebih besar dan lebih menonjol. Itu sebabnya peta Peter dikenali juga sebagai Peta Dunia Ketiga.

Bentuk peta yang dipersembahkan menunjukkan Malaysia, dan kawasan yang selalu dirujuk dari segi ideologi sebagai Timur Jauh, di bahagian tengah.

Kawasan yang dihitamkan dalam peta ini menunjukkan peta yang sebenarnya.

## KEKELIRUAN

Di samping itu, cuba bandingkan jumlah kilometer persegi dengan keluasan kawasan-kawasan tertentu dan lihatlah bagaimana peta dunia Mercator mengelirukan kita!

Benua Amerika Selatan, luasnya 17.8 juta kilometer persegi, adalah dua kali ganda lebih luas dari Benua Eropah, yang luasnya hanyalah 9.7 juta kilometer persegi.

China, seluas 9.5 juta kilometer persegi, hampir-hampir lima kali lebih luas dari Greenland yang hanya 2.1 juta kilometer persegi.

India yang luasnya 3.3 juta kilometer persegi adalah tiga kali lebih luas dari Scandinavia yang hanya 1.1 juta kilometer persegi.

Afrika luasnya ialah 30 juta kilometer persegi sementara Uni. Soviet hanya 22.4 juta kilometer persegi.





# KELAS PENTADBIR

Abol-Hassan Bani-Sadr

Pendapatan hasil minyak merupakan bahagian terbesar dari Ke-  
luaran Negara Kasar (KNK) Iran. Menurut dokumen Rancangan Ke-  
limanya, ia merupakan setengah  
dari KNK Iran. Sejak kenaikan  
harga minyak pada bulan Oktober  
1973, ia terus meningkat lagi. Go-  
longan yang dapat menguasai wang  
minyak yang banyak ini akan dapat  
menguasai masyarakat Iran.

Kelas ini terdiri dari sektor-  
sektor utama jentera pemerintah  
(mahkamah, pegawai kanan keraja-  
an, pegawai tinggi tentera dll.). Ia  
dapatlah dipanggil sebagai *borguis  
pemerintah* atau *borguis komprador*  
meskipun ia tidak mempunyai ciri-  
ciri kelas borguis biasa.

Sebaliknya, kami akan gunakan  
istilah *kelas pentadbir* untuk me-  
rujuk kepada kelas yang bertujuan  
mengurus, (sambil menguntungkan  
borguis dunia) satu bentuk sosio-  
ekonomi yang diciptakan oleh eko-  
nomi-ekonomi berkuasa. Kemak-  
muran kelas ini terikat kepada pen-  
dapatan dari hasil minyak.

Ia juga berasal dari kelas pemilik-  
pemilik harta tanah luas dan telah  
menggantikan golongan ini untuk  
menguasai pembentukan sosial Iran.  
Kelas pentadbir ini merupakan  
penyambung dari kelas feudal se-  
belumnya dan sudah gila kuasa,  
ganas dan bersikap angkuh terhadap  
kelas-kelas dikuasainya, terutama-  
nya kelas tani. Satu kelas borguis  
pertengahan (istilah ini digunakan  
di sini dengan makna yang tepat),  
iaitu kelas usahawan, saudagar besar  
dan ahli perusahaan yang bergan-  
tung kepada kelas pentadbir ini  
telah muncul dalam masa yang  
sama. Kekayaannya bukannya dari  
pengumpulan, tetapi dari wang  
negara yang didapatinya melalui  
kontrak dan pelaburan atau kredit  
yang didapati melalui badan-badan

kerajaan (rancangan, bank kerajaan  
dll).

Jumlah modal yang dikumpul-  
kan selalunya melayakkan kelas ini  
memiliki gelaran borguis besar jika  
pergantungannya kepada jentera pe-  
merintah tidak berterusan setelah  
pengumpulan awal, pergantungan  
kelas ini jelas terbukti apabila tin-  
dakan-tindakan pemerintah ter-  
tentu dapat menghapuskan kekaya-  
an pemiliknya.

Kelas pentadbir ini cuba meluas-  
kan lagi asas sosialnya dengan  
mengujudkan kelas *borguis kecil*  
yang baru termasuk pegawai keraja-  
an peringkat menengah dan rendah  
(dalam mana beberapa lapisan  
dapat dibezakan), kakitangan bank  
perdagangan dan perusahaan yang  
besar, serta pekerja iktisas, teknik,  
intelektual dan pertukangan yang  
telah bertambah dengan banyaknya  
dalam beberapa tahun yang lepas  
akibat dari usaha untuk membarat-  
kan Iran.

Berbagai jenis kelas pertengahan  
ini dapat berkembang semata-mata  
atas pendapatan hasil minyak.

Mereka tidak akan dapat hidup jika  
pendapatan hasil minyak tidak ada.  
Jadi pendapatan hasil minyak me-  
rupakan penentu utama kelas ini  
yang juga mempunyai kesan-kesan  
budaya yang berasal dari kelas me-  
nengah Iran atau kelas menengah  
Barat. Umpamanya, sikap meman-  
dang hina kepada kerja tangan,  
sikap tidak peduli kepada kesan  
kerja yang dilakukan, penyerapan  
pola penggunaan secara Barat dll.

Hari ini, kelas-kelas yang berbeza  
ini merupakan kumpulan kelas yang  
berkuasa di Iran. Mereka tidak  
mempunyai taraf yang sama dari  
segi kuasa. Peranan atasan dilaku-  
kan oleh kelas pentadbir.

Kelas-kelas yang berkuasa dalam  
pembentukan sosio-ekonomi Iran  
sebenarnya hanya merupakan wakil  
borguis dunia yang mengarahkan  
firma *multinasional* dan ekonomi-  
ekonomi berkuasa.

Bagaimanakah kelas-kelas ber-  
kuasa tempatan ini dapat menyerap  
cita-cita kelas berkuasa di dunia?

Perlulah diingat bahawa kuasa



Bani-Sadr sedang bersyarah



dan kemakmuran mereka bergantung seluruhnya kepada pasaran dunia, eksport minyak dan bahan-bahan mentah. Jika sekiranya hubungan ini hilang, mereka akan hancur.

Jadi, alat untuk menyerap cita-cita tadi adalah hubungan antara kelas-kelas yang berkuasa, atau lebih tepatnya di antara kelas pentadbir dan borguis kecil. Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukannya, kelas pentadbir ini terus menerus mencuba untuk memperkembangkan kelas borguis kecil ini.

Borguis kecil ini merupakan kelas bergantung — kelas penghisap darah: borguis kecil baru tidak terlibat dalam pengeluaran atau dalam perkhidmatan yang perlu untuk pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya, ia timbul dari kemampuan borguis pentadbir untuk mengembangkan asas sosialnya melalui pembahagian hasil, yang juga menambahkan kemampuan membeli.

Keadaan ini telah dikukuhkan

dengan meresapkan ideologi penggunaan yang kelihatan sangat berguna untuk memisahkan kelas menengah dari ideologi pembinaan kebangsaan dan menyekutukan mereka dengan golongan pentadbir, dan secara tidak langsung kepada Barat.

Untuk borguis kecil yang baru, hakikat ekonomi, sosial dan kebudayaan hanyalah penggunaan. Oleh kerana kelas pentadbir ingin mengekalkan kuasa dan darjatnya serta mengesahkan dirinya, maka terpaksa merestui kenaikan dalam penggunaan yang berterusan.

Jika kita melihat borguis pertengahan pula, jelas sekali kejuteraan dan kepentingan kelas ini berpunca dari pembangunan yang berasaskan pendapatan hasil minyak. Pembangunan seperti ini memerlukan pembentukan aktiviti pertukaran (impot), pengeluaran (pemasangan, penyiapan barang-barang dari luar negeri, dll.) dan perkhidmatan yang tidak sesuai untuk negeri ini.

Jadi kelas pertengahan ini adalah kelas yang terlalu bergantung kepada eksport minyak yang diujudkan oleh pemerintah. Lebih-lebih lagi kebimbangan di kalangan kelas pentadbir untuk menarik sokongan menimbulkan kelalaian, sikap toleransi kepada penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Kelalaian ini bukanlah ciri sampingan kepada hubungan antara kelas berkuasa dan borguis pertengahan; ia sebenarnya berhubungan rapat dengan asas hubungan ini.

Apa yang lebih menarik ialah ciri kelas borguis kecil dan borguis pertengahan (kapitalis) sebagai penghisap darah yang bergantung yang diakibatkan oleh kelemahan kelas pentadbir yang mula berkuasa melalui rampasan kuasa tahun 1953. Hari ini ia cuba mendapatkan pengesahan dengan membina sebuah zaman kegemilangan bagi kelas-kelas yang di kelilingnya. **NI**

## Presiden Bani-Sadr Disingkir

(petikan dari ASIaweek)

Pada 18 Jun yang lalu, Ayatollah Ruhallah Khomeini telah mengumumkan pemecatan Presiden Abolhassan Bani-sadr dari jawatannya sebagai Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Iran. Pengumuman ini telah diekori pula dengan tuntutan dan desakan dari penyokong-penyokong Parti Republik Islam (PRI) supaya Presiden Bani-sadr dilucutkan dari jawatan presidennya dan dibicarakan. Malah, ada di antara mereka yang menuntut supaya hukuman mati dijatuhkan ke atas presiden itu. Dalam keadaan NADI INSAN, OGOS 1981

ini, Presiden Bani-sadr telah menyerukan rakyat Iran supaya "menggulingkan pemerintahan diktator" di Iran. Tidak beberapa hari selepas itu, Presiden Bani-sadr telah menghilangkan diri. Pada 22 Jun, Majlis (Parlimen) Iran telah memutuskan untuk menyingkir Bani-sadr dari jawatan Presidennya.

Perkembangan terbaru dalam pertentangan antara penyokong Bani-sadr dengan penyokong PRI ini bermula kira-kira satu bulan yang lalu, setelah berlakunya peristiwa di mana empat orang penyokong


Parti Mujahedin (IPMO) dibunuh dekat Laut Caspian di utara Iran.

Pihak IPMO telah mendakwa bahawa penyokong mereka itu telah dibunuh oleh Pengawal-Pengawal Revolusi. Lebih dari 100,000 orang penyokong IPMO telah mengadakan satu tunjuk perasaan secara besar-besaran di Taheran membantah tentang peristiwa itu. Ramai pemerhati merasakan bahawa tunjuk perasaan itu telah mendorong golongan PRI memutuskan untuk menghancurkan



mereka. Satu sumber yang boleh dipercayai memberitahu *Asiaweek* bahawa Ayatollah Khomeini akhirnya bersetuju dengan tuntutan Ayatollah Beheshti untuk menghancurkan golongan Mujahedin buat selama-lamanya setelah berlakunya peristiwa-tunjuk perasaan di Taheran itu.

Pihak IPMO menerima sokongan yang kuat dari kalangan kelas menengah, golongan intelektual, pelajar, wanita dan tentera. Ahlinya dianggarkan berjumlah di antara 20,000 hingga ke 30,000. Bani-sadr



Bani-Sadr dengan penyokong-penyokongnya

sendiri telah mendapati dirinya semakin bergantung kepada kumpulan ini untuk mengekalkan jawatan presidennya. Oleh itu, sebarang langkah yang akan diambil untuk menghancurkan IPMO akan dimulakan dengan mengambil tindakan terhadap Presiden itu. Sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang ahli PRI: "Untuk membunuh seekor ular, kita harus menghancurkan kepalanya".

Ayatollah Khomeini nampaknya mengambil tindakan mengeluarkan amaran yang paling keras sehingga ini terhadap golongan sederhana setelah didesak oleh Beheshti. Tanpa menamakan Presiden Bani-sadr se-

cara terbuka, beliau telah menasihati pengkritik pemerintah Iran supaya patuh kepada pemerintah sekarang. Jika tidak mereka akan didakwa sebagai "pengkhianat di dunia". Ungkapan ini selalunya ditafsirkan sebagai akan menerima hukuman mati dan hartanya dirampas.

Bani-sadr telah dengan cepat menjawab teguran Ayatollah Khomeini itu. Dari ibu pejabatnya beliau memberitahu seluruh negara bahawa: "Saya tidak bertujuan untuk mencabar Imam kita (Khomeini), tetapi saya juga tidak akan menyerahkan diri. Saya tidak takut memberitahu rakyat apa yang fikir".

Menurut pemerhati-pemerhati, jawapan yang cepat dan keras dari Bani-sadr merupakan apa yang telah ditunggu oleh Beheshti. Selepas itu, Bani-sadr telah dituduh sebagai 'bersubahat dengan anasir-anasir penentang revolusi Islam Iran. Dua orang pembantu karibnya juga ditangkap. Arus yang menentangnya semakin memuncak sehinggalah beliau tersingkir dari jawatan Presidennya.

Satu perkara yang agak menarik ialah Bani-sadr telah dilucutkan dari jawatannya sebagai Panglima Tinggi Tentera tatkala Iran nampaknya sedang mencapai kemenangan dalam peperangan dengan Iraq. Presiden itu telah dipuji oleh



Beheshti — diakah yang menggulingkan Bani-Sadr?

pegawai-pegawai tentera Iran kerana rajin melawat pasukan tentera di barisan hadapan dalam peperangan itu dan menaikkan semangat mereka.

Dengan tersingkirnya Bani-sadr, semangat perjuangan di kalangan anggota tentera mungkin merosot sehingga ianya boleh mengancam kedudukan pemimpin-pemimpin agama di Iran. Sehingga hari ini, pemimpin-pemimpin ini telah berjaya menggunakan isu peperangan dengan Iraq untuk mendapat sokongan rakyat Iran di belakang mereka dan mengalihkan pandangan mereka dari masalah sosio-ekonomi yang teruk di negara itu. NI



Pihak pembangkang menentang Bani-Sadr



# Matinya Seorang Sasterawan

Wira Jaya

Sambil menyingkir Presiden Bani-Sadr, pihak berkuasa Iran sekarang sedang menjalankan hukuman mati ke atas "musuh-musuh revolusi". Ramai penentang-penentang IRP telah ditembak mati di beberapa penjara di Iran. Antara mereka yang telah ditembak mati di Penjara Evin di Taheran ialah Said Sultanpur, seorang penulis drama terkemuka di Iran.

Said Sultanpur telah ditahan pada hari perkahwinannya tiga bulan lalu atas tuduhan terlibat dalam perniagaan wang asing di pasaran gelap. Tetapi sekarang pihak berkuasa telah mendakwanya sebagai seorang pemimpin kumpulan gerila Fedayin yang telah mengadakan demonstrasi menyokong Bani-Sadr.

## Kegiatan Said Menentang Shah

Said terkenal sebagai salah seorang pemimpin di kalangan seniman yang menentang Shah. Bersama dengan sekumpulan seniman dan penulis, beliau telah menubuh satu kumpulan teater keliling. Melalui persembahan drama, mereka telah berjaya menyalakan semangat perjuangan menentang kezaliman Shah di kalangan rakyat Iran pada masa itu.

Aras kegiatannya ini, Said telah ditahan beberapa kali oleh polis Shah. Kali terakhir ia ditahan ialah pada tahun 1974 selepas ia menentaskan satu drama. Dia telah disiksa dan dijatuhkan hukuman penjara selama lima tahun. Tetapi oleh kerana bantahan dunia luar yang begitu hebat terhadap penahanannya. Kerajaan Shah telah melepaskan beliau dan pada tahun 1977 ia telah pergi ke Britain.

Semasa di luar negeri, beliau telah memutuskan untuk menyokong kumpulan gerila Fedayin. Dia telah pergi menjelajah seluruh Eropah untuk memberi ceramah ke-



Begini juga nasib Said Sultanpur pada pelajar-pelajar Iran.

## Selepas Revolusi

Selepas revolusi Iran berjaya menjatuhkan Shah, Said telah pulang ke Iran untuk menghidupkan semula kumpulan teaternya. Tetapi persembahannya sering diganggu dan dihalong oleh golongan fundamentalis Islam.

Dalam pilihanraya Iran, beliau telah menjadi seorang calon Fedayin. Di samping itu, ia juga merupakan ahli terkemuka persatuan penulis yang semasa Shah dulu telah mengkritik secara terbuka penahanan dan tapisan yang dijalankan secara sewenang-wenangnya. Pada awal tahun ini, Said adalah salah seorang di antara 38 orang penulis yang telah dengan beraninya mengkritik polisi Khomeini secara terbuka.

Dari sehari ke sehari, Said mendapati keadaan di Iran sekarang makin tersekat. Kebencian golongan fundamentalis Islam terhadap golongan intelektual yang berpendidikan Barat dan berani menentang pemerintahan mereka semakin dirasai. Malah, tindakan menutup universiti, menapis surat khabar dan memindas persatuan penulis adalah bertujuan untuk menghancurkan tentangan kumpulan intelektual ini terhadap pemerintah Iran sekarang.

## Fedayin berpecah

Pada masa yang sama, Kumpulan Fedayin juga menghadapi perpecahan. Sejak bulan Jun lalu, sebahagian besar dari kumpulan ini memutuskan untuk menyokong pemerintahan Iran sekarang atas alasan "menentang imperialis" — mengikuti langkah Parti Tudeh yang pro-Soviet; sebahagian kecil dari mereka, termasuk Said, telah menentang keputusan itu dan terus menjadi pembangkang yang aktif kepada pemerintah Iran.

## Said Dihukum Mati

Golongan fundamentalis Islam telah memutuskan bahawa semua golongan pembangkang di Iran harus dihancurkan secara keras. Dan hukuman mati yang dijatuhkan ke atas Said adalah sebahagian dari tindakan melaksanakan keputusan itu. turut gugur bersamanya terdapat ahli-ahli wanita dari berbagai kumpulan pembangkang.

Kematian mereka telah membawa kembali kenangan tentang peristiwa kematian seorang lagi penulis terkemuka Iran, Khosro Golesorkhi, yang telah dihukum mati oleh Shah dalam tahun 1974. Khosro telah diingati sebagai seorang perwira oleh beribu-ribu anak muda Iran pada masa itu. Malah, ia merupakan seorang perwira yang telah memberi ilham kepada pergerakan yang akhirnya berjaya menjatuhkan pemerintahan Shah. (NI)



# Space Shuttle: The Empire Strikes Back

Jonathan Bennett

The U.S. space shuttle success in mid April may be the beginning of the end for the U.S. civilian space program.

The possible military applications of the space shuttle are so tantalizing that "NASA is going to be trampled to death by the Defense Department on shuttle use," according to James Van Allen, one of the original guiding forces of U.S. space exploration. "Why not be honest about it and call [the space shuttle] a military program?"


Nor are predictions of the military's dominance mere flights of future fancy. Military space developments include:

- \* The Air Force is building a US \$450 million Space Operations Center and a military only shuttle base at Vandenberg Air Force base in California. The facilities are not technically necessary, since they duplicate the "civilian" Cape Canaveral operation.

- \* The US Defense Department is asking for US\$500 million for shuttle research and development in fiscal 1982, after having already prevailed to enlarge the cargo bay of the civilian shuttle to accommodate military payloads.

- \* The Defense Department started booking space on the shuttle a year after the program began in 1972, more than three years before the first concrete expression of private commercial interest in the venture.

- \* More than a third of the flights scheduled for the next five years are for secret, military purposes. At the same time, the Office of Management and Budget has trimmed the NASA budget and eliminated several of the shuttle's civilian missions.



One reason for not calling the shuttle a military program is a 1961 UN treaty barring weapons of mass destruction from outer space. The US will not violate the letter of the treaty if it avoids putting atomic warheads in orbit. There is little doubt, however, that some of the military missions will violate the treaty's spirit, since they will test the feasibility of putting the weapons in space and using them if necessary.

Another reason for avoiding the military nametag is to defuse the Soviet Union's protests that development of the shuttle should be negotiated like any other development in strategic armaments.

Even if the Defense Department had not been in on the design of the shuttle from the very beginning, it would not take the military long

to exploit the quantum leap in space utilization represented by the shuttle. In 1979, when cost overruns forced the Carter administration to consider scrapping the whole shuttle program, the Defense Department lobbied harder than anyone else for a US\$4.8 billion bail-out of the civilian program. With manned weapons platforms already in place on and under the ground, on and under the sea, and in the air, the value of a new location — exclusively the U.S.'s for at least a decade — is obvious to all strategic planners.

U.S. Gen. Daniel Graham, the retired director of the Defence Intelligence Agency, puts it: "The shuttle gives us a strategic edge over the Soviet Union... While the Russians would say 'ain't it awful,' I say 'hurray' and let's take advantage of our superiority."



## LOMOTIL

Suria Hamid

# Menghilangkan Pertanda Tidak Menyembuhkan Penyakit Ceret-Beret


Lomotil adalah sejenis ubat yang dikatakan dapat menyembuh penyakit ceret-beret. Ubat ini, yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat antara-negara Amerika Syarikat, G.D. Searle, dikatakan "mujarab untuk semua keadaan". Tetapi menurut *Lebanese Medical Journal* (Jurnal Perubatan Lebanon), Lomotil hanyalah "bahan pengawal yang tamat merbahaya". Menurut *Social Audit* pula, "Lomotil tidak menyembuh ceret-beret — ia hanya memberhentikannya saja".

Ubat ini mungkin berguna di Barat untuk menolong orang-orang dalam perjalanan. Tetapi, apabila ubat ini digunakan untuk mengubat penyakit ceret-beret di kalangan kanak-kanak di Dunia Ketiga, ia boleh membawa kesan yang buruk.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penyakit ceret-beret merupakan satu punca besar yang menyebabkan kematian kanak-kanak berumur di bawah tiga tahun. Kematian yang diakibatkan dari penyakit ini adalah disebabkan oleh bahan makanan yang kurang berzat dan serangan penyakit tersebut yang berulang kali. Kanak-kanak itu mati akibat kekeringan badan mereka — iaitu kehilangan bahan cair dari kumpulan sel dalam tubuh mereka.

Satu-satunya cara untuk menghalang kematian dari kekeringan ialah dengan memulihkan semula bahan cair dalam tubuh mereka — sama ada dengan memberi sedikit-sedikit bahan cair yang dicampur dengan gula atau garam ataupun dengan memasukkan bahan cair ke badan mereka melalui saluran tiub yang dilakukan di klinik atau di rumah sakit. Cara yang terbaik

NADI INSAN, OGOS 1981



untuk menghalang pesakit dari diserang oleh ceret-beret berulang kali ialah dengan memberi barang makan yang baik. Lomotil tidak menyembuh atau menghalang penyakit ceret beret — ia hanya menghilangkan pertanda penyakit itu saja.

Apabila ceret beret pesakit diberhentikan, ia akan tetap terus kehilangan bahan cair dalam badannya dan proses ini tidak akan disedari. Oleh itu, walaupun ceret beretnya akan berhenti tetapi proses pengeringan badannya yang boleh membawa maut itu tetap berterusan.

Dengan menahan ceret beret pesakit, Lomotil akan menghalang badan pesakit dari membersihkan dirinya dari jangkitan yang telah menyebabkan penyakit itu. Malah kanak-kanak itu akan terus merebakkan penyakit itu kepada kanak-kanak lain.

Sekarang ini sudah pula terdapat bukti-bukti di mana ubat Lomotil telah digunakan secara berlebihan. Bilangan pil ubat itu yang diperlukan untuk menahan ceret beret adalah kurang sedikit sahaja daripada

jumlah yang menjadikan ubat itu sebagai racun. Masalah ini adalah lebih serius di kalangan kanak-kanak.

Menurut *British Medical Journal* (Jurnal Perubatan British), kanak-kanak yang berusia di bawah umur lima tahun boleh menunjukkan pertanda termakan racun selepas mengambil satu hingga lima biji pil. Walaupun terdapat bahaya ini, bilangan pil yang dicadangkan oleh Syarikat Searle untuk kanak-kanak berubah dari setempat ke setempat. Di Amerika Syarikat, kenyataan di kotak Lomotil melarang penggunaan ubat itu oleh kanak-kanak yang berusia di bawah umur dua tahun. Di United Kingdom pula, ubat itu dibenarkan untuk diberi kepada kanak-kanak berumur satu tahun. Tetapi di Thailand, Hong Kong dan Filipina, ubat ini dibenarkan diberi kepada bayi-bayi yang berusia hanya tiga bulan. Ianya dibenarkan walaupun kanak-kanak di negara-negara membangun selalunya lebih kurus dan kecil dari kanak-kanak di Barat. Di samping itu, negara-negara membangun juga kekurangan kakitangan hospital yang boleh mengarah dan memerhati pemberian ubat itu. Seterusnya, di kebanyakan negara membangun ubat-ubat seperti ini mudah diperolehi dari kedai-kedai ubat.

Akhir sekali, Lomotil juga dijual dengan harga yang tinggi. Harga satu kotak kecil Lomotil di kebanyakan negara Dunia Ketiga adalah hampir sama dengan bayaran upah sehari bekerja. Malah, harga Lomotil adalah dua puluh lima kali lebih mahal dari harga ubat campuran *koalin* yang juga sama berkesan untuk menahan ceret beret.



# SOUTH KOREA: END OF THE MIRACLE?

Choong Keng Weng



Park Jung Hi

The Reagan election has assured South Korean president, General Chon Du Hwan of renewed U.S. military support. His major concerns during his recent U.S. visit, however, were financing and trade. And so he stressed "a drastic improvement" in South Korea's investment climate and the need for "mutually open markets."

South Korea's "economic miracle" made news last year, although the coverage even in the financial press was skimpy. The miracle had come apart. After averaging a remarkable 12% growth in the 1976-78 period following the first big rise in oil prices, the economy slowed down to a 6% gain in 1979 — and last year declined to 4%.

The boom had been contrived under the dictatorship of President Pak Jung Hi, assassinated in October 1979. It had been fueled by Japanese and U.S. capital and by some US\$22 billion of foreign borrowings. This left the country with the third largest debt (after Brazil and Mexico) in the third world. The superprofits that kept it rolling for two decades came



Chon Du Hwan

from extraordinary pressure on industrial and agricultural workers, whose organizations were methodically destroyed by the regime.

The boom seems to have ended as foreign interest in South Korean goods diminished. Last year, for instance, many Korean customers, including those in the U.S., were experiencing their own economic difficulties. And as inflation in South Korea hit 50%, the country's goods suddenly seemed overpriced. Finance Minister Seung-Yun Lee recently conceded, "We don't have cheap exports anymore."

Last year as the recession spread, many small businesses folded, the corporate bankruptcy rate doubled and the unemployment rate officially climbed to 5% but was believed to have actually gone much higher.

It was also hard times for those who continued to work, as pay increases lagged far behind prices. When a reporter from *Euromoney*, the London-based banking publication, asked the finance minister late last year whether the new Chon government was considering wage and price controls, he indicated the

government saw no need for rules to hold down wages. "Industrial wages have gone up only a nominal 20% in the past year", he said, "which is negative growth in real terms." His statement indicated that workers last year took cuts in real (after inflation) pay on the order of 20-30%.

These harsh economic conditions coupled with severe political repression helped to provide the volatile mix that exploded in the uprising at Kwangju last May. The political uncertainties, it turned out, seriously worried the country's international bankers.

"Korea's economy," *Euromoney* reported in July, "geared to efficient exporting, has been battered by the world slump and by internal over heating. Worse, the Kwangju riots have hurt the country's image; bankers are more concerned about political developments in the country than about Korea's economy"

The South Korean "overlord" of the country's external financing, I.Y. Chung, originally set the year's foreign borrowing requirements at US\$6.3 billion. In the end, the loans amounted to US\$8.6 billion, which took care of a US\$5.5 billion trade deficit (swollen by a doubled oil bill) and the repayment and interest on old debt.

But as usual, the developing country paid for the extended bank services. "So far the banks have stiffened terms for their Korean Loans," the *Wall Street Journal* reported in December. At the same time the World Bank found internal problems in South Korea "so troublesome that (it) has postponed until early 1981 key decisions

NADI INSAN, OGOS 1981



about a proposed US\$3 billion-lending program over six years," according to the *Journal*.

### BANKS ARE CONCERNED

A recent Bank staff report reflects the concern about the South Korean situation. 'Harsh and arbitrary government policies combined with a simmering resentment among the populace are not especially conducive to economic growth,' the report noted, "but there is a small possibility that an ambitious ... policy of industrial reconstruction would ... pull Korea out of its doldrums and defuse a potential political crisis."

Some such program had been initiated, doubtless at the World Bank's insistence, shortly after Chon took over as president in August. It addressed some of the more basic problems of the economy, notably excess capacity and intense competition in the heavy industry sector. Heavy invest-


ments in these industries, at the expense of modernization of light industry (the main source of exports) had distorted the economy, according to Seoul and World Bank economists.

The new program called for government-imposed consolidation. The four companies producing power plant equipment for instance were to be reduced to one by merger with Daewoo Heavy Industries, the leader, or by scrapping. The country's 26 largest conglomerates were ordered to sell some 600 "unrelated or unhealthy" subsidiaries to improve their financial position. And 1200 companies were told to get rid of their 'mammoth' real estate holding, accumulated by bank borrowings to hedge against inflation.

All this was accompanied by plans to open the country even wider to foreign exploitation, since 'increased foreign investment is

essential to the restructuring plan, according to an official advertisement in the New York press. The government has diversified the types of projects open to foreign investors to include food medicines and certain services — with the usual South Korean tax concessions and "other privileges normally given to foreign investors. The Chon regime will also allow up to 100% foreign ownership of certain businesses and erase most of the restrictions on the withdrawal of capital.

About that time, back in Seoul, textile workers angry at the government's dissolution of their union last month, took hostage a U.S. labour representative, George Curtin. Curtin, who was soon released, worked for the Asian-American Free Labor Institute, which is officially funded by the U.S., officially controlled by the AFL-CIO and widely alleged to be a front for CIA activities (NI)



It is how South Korean's economy works  
NADI INSAN, OGOS 1981



# Selling Salvation

Cammy Wilson

**A new breed of North American evangelists are now using big-business advertising strategies to market their particular brands of faith. Their packaged promises of salvation, are undermining long-established cultures and bringing multinational missionary organisations million-dollar incomes from Third World collection boxes.**

Irian Jaya is primeval, with more impenetrable jungle than Africa or the Amazon, and mountaintops where the snow never melts. It is a tangle of wild rivers and Stone Age tribes who don't take kindly to the intrusions of civilisation.

So, when out of a clear sky the great light 'birds' came, they created quite a stir. And when the birds began to speak in the dialects of the villagers, the effect was spell-binding — if not miraculous. The voices the tribes-people heard came from simple devices carrying recorded messages. The birds carrying the recordings were parachutes dropped over the villages by Christian missionaries. They were deploying one of the many weapons in a sophisticated arsenal available to Christians in the mission field today.

More and more, US religious organisations are adopting the tactics and gimmicks of big business — and big government — in their centuries-old battle for souls.

Through such campaigns, missionaries can now reach their audiences without tying up the resources necessitated by the old method of staking claim to a bit of jungle turf and waiting years — perhaps a lifetime — for the Lord to work his miracles.

Many religious organisations these days are purchasing marketing analyses and commissioning public opinion surveys, seeking to pene-

trate cities and saturate likely markets. Movie stars, television personalities, football players, singers, even comedians, may be enlisted for the effort.

The trend is for Christianity to be sold to Third World audiences by the same methods that proved so successful for cold-water detergents and under-arm deodorants. Fielding a world-wide 'sales' force and commanding huge budgets, they also enjoy a lack of accountability that the CIA might envy. Within the religious community they are sometimes called the *multinational missions*. And there is little doubt that the media approach works.

Today's big missionary success stories come from these multinationals. With their impressive claims of conversions — 20,000 Cambodian refugees, for instance — they represent a real challenge to more traditional missionaries like those from members of the World Council for Churches. In fact these multinationals view WCC adherents with particular suspicion.

The first priority, the multinational missionaries say, is to develop a taste for Christianity among local people 'One of the problems of people in the big cities is they feel no need of Christianity' one delegate reported. 'You have to get somebody "lost" before you can get him "saved"'

Asia is apparently Christianity's most difficult market. The term

repeatedly used to describe the attitude of Asians toward Christianity is *resistant* — after 600 years of proselytizing, often in conjunction with military subjugation and colonisation the percentage of Asian Christians remains small. The Philippines is the primary success story (92 per cent Christian); Papua New Guinea is probably next with 51 per cent; then Korea with 16 per cent. Though there are millions of Christians in India, they comprise but 2.6 per cent of the total population.

Developing the *taste for Christianity* in the cities of Asia can involve elaborate preparation and follow-through. One approach is that of the Southern Baptists' 'All Media Penetration Project' (AMP). According to their marketing survey, AMP is a 'three year effort to use all appropriate media to penetrate Bangkok in Thailand with the message of Jesus Christ, confronting every person in the city with Him as a culturally acceptable option'. 'The AMP will follow modern principles of Christian communications strategy and as such become a pioneering and experimental project for urban media-evangelism.'

Public figures are heavily utilised for the saturation effort. South Korea football champion, Lee Young Moo, is always seen kneeling on the ground with his hands folded in prayer whenever he shoots for goal. Now with a following culled from audiences of three million television sets, he has founded a church composed of top national Christian athletes. And recently the Koreans have been sending their own missionaries to Thailand.

NADI INSAN, OGOS 1981



Like finances in families, money matters are hardly discussed by the multinational missions. Many of the large evangelical organisations are like closely held private companies: no-one outside the evangelists, their accountants, and various relatives, can be sure how much money is taken or how it is spent. And it's likely to remain a family secret: for example, Leighton Ford, the Vice President of the Billy Graham Evangelistic Association is Billy Graham's brother-in-law. The only certainty is that the stakes are high.

The Evangelical Council for Financial Accountability which began setting fund-raising guidelines for its 100 members after scandals occurred in some groups, says its members alone solicit over US\$500

million each year. And the 2,200 groups of the United Ways of America raised approximately US\$1.4 billion last year — much from developing countries. Some donations are difficult to assess. Describing the items found in one collection box after a sermon from the 'Billy Graham of South Korea' the Reverend Kim Ik Do, a booklet says: 'There were 200 finger rings, 22 silver and gold watches, 200 silver ladies' hairpins, and US\$17,000 in cash'. All from a country where in 1976 the per capita income was just US\$641 a year.

The contradiction is unwittingly parodied in the *Sackcloth and Ashes* pin distributed by the Campus Crusade for Christ. A small

piece of burlap tied with blue string (ostensibly to hold the ashes in), the pin was attached to an attractive brochure on linen-like paper. 'This unusual two-inch burlap pin reminds the wearer to pray for personal and national repentance' it said.

Sackcloth and ashes, when worn by the early Christians, was an agonising experience. The scratchy sackcloth became distressingly uncomfortable with the addition of ashes. Wearers at the COWE conference did not have that problem. Not even a smudge could be delivered by the pin, which contained — not ashes — but a small piece of crumpled waxed paper. But then, the brochure did say 'Sackcloth and Ashes symbolic pin'

## buku

Apakah kita tidak mempunyai satu golongan intelek yang berfungsi dalam perkembangan masyarakat kita? Tidak. Begitulah rumusan Prof. Syed Hussein Alatas dalam bukunya *Intellectuals in Developing Societies*.

Keadaan di Indonesia, Filipina dan India, katanya, agak berlainan. Dan ini pula bukanlah satu perkembangan lepas merdeka. Di ketiga-tiga negeri itu, peranan golongan intelek dalam perjuangan kemerdekaan amat nyata. Di negeri kita, katanya tidak pernah wujud tradisi begini.

Institusi-institusi pendidikan serta suasana di kebanyakan keluarga kita tidak menggalakkan lahirnya golongan yang dapat diterima sebagai manusia intelek. Golongan kecil yang ada pula gagal untuk bertindak secara berkesan.

Selanjutnya, Malaysia diuraikan sebagai *intellectual desert*. Beliau juga memperkenalkan konsep *bebalisma* yang, katanya, adalah sikap pemikiran (atau non-pemikiran) yang agak lumrah di kalangan para ahli politik dan perancang negara.

## INTELLECTUALS IN DEVELOPING SOCIETIES

oleh  
Syed Hussein Alatas  
BELAETHAM. K.

Mereka ini malas berfikir, takut mencuba idea baru tetapi keras dalam sikapnya.

Contoh-contoh yang diberi oleh profesor sosiologi ini lucu, tetapi jelas membayangkan pengaruh *bebalisma* di kalangan para pentadbir kita. Satu contoh: Sebanyak \$6,342 telah dibelanjakan untuk membeli pinggan-mangkuk untuk dihantarkan ke Asrama Pelajar-Pelajar Malaysia di Kaherah: perbelanjaan menghantarnya ke sana ialah \$3,389. Kenapakah pembeliannya tidak dibuat di Kaherah?

Berbalik kepada soal golongan intelek, apakah universiti-universiti kita tidak mempunyai para intelek? Menurut Prof. Alatas buah fikiran para ahli akademik kita jarang diterima oleh kerajaan yang memang anti-intelek. Para pentadbir yang mengisi jawatan-jawatan penting

adalah teknokrat dan *specialist* yang hanya terdaya melihat (dan menilai) satu masalah dari sudut masing-masing yang sempit. Kelebihan seorang intelek — mengikut Alatas — ialah kebolehnya melihat sesuatu dari pelbagai sudut dan perspektif yang lebih luas.

Dalam keadaan di mana para intelek tulen diketepikan, mengikut Prof. Alatas, satu-satu cara yang dapat digunakan oleh para intelek untuk menyebarkan idea-idea mereka ialah melalui menulis atau pun mengadakan perhimpunan kecil-kecilan sesama sendiri untuk membincangkan masalah tanahair.

Gambaran Prof. Alatas memang amat muram dan gelap. Di manakah kebenarannya? Sementara beberapa ulasannya adalah tepat, kita (tidak patut) menelannya secara bulat.



# siri kartun-sambungan dari bulan lepas



**AGSYAI: UMUR 49**

PADA MASA YANG LEPAS LEBIH RAMAI YANG MENINGGAL DISINI. KAMI MEMILIKI KEBUN, PERANAN SERTA BANYAK AYAM DAN KAMBING. TETAPI ITU TUJUH TAHUN YANG LEPAS SEKARANG SEMUA TELAH HANCUR. BANDAR-BANDAR DI ROBOK. KEBUN DAN LARANG, DI BINASAKAN. AYAM DAN KAMBING, KAMI MATI. KAMI SAKIT DAN TERPAKSA KERJA LEBIH PARI KEUPAYAAN KAMI TANPA GAJI. KAMI TIDAK ADA MASA UNTUK BEKERJA DI LADANG KAMI SENDIRI. KAMI SAKIT DAN KEBULURAN. RAMAI YANG TELAH MENINGGAL.



**KEBLA: UMUR 23**

BANDAR KAMI TIDAK MAMPU MENGHASILKAN SEBANYAK YANG DI KEHENDAKI OLEH SYARIKAT. UNTUK MEMAKSA KAMI KERJA LEBIH KERAS MEREKA MENGURUNG 50 WANITA DAN KANAK-KANAK DALAM SATU RUMAH. MEREKA DI LARANG KELUAR SELAGI KERJA BELUM SELESA. MEREKA TIDAK DI BERI UDARA BERSIH, LAMPU, MAKANAN SERTA AIR. MEREKA DISIKSA DAN KAMI SELALU DENGAR JERITAN MEREKA SAMBIL KAMI BEKERJA. IA MENGAMBIL 3 MINGGU UNTUK MENGHABILKAN GETAH YANG DI KEHENDAKI OLEH SYARIKAT. RAMAI ANTARA WANITA DAN KANAK-KANAK YANG MENINGGAL.



**SITA: UMUR 14**

KAMI TIDAK DIBENARKAN MENGERJA TANAH KAMI SENDIRI. KAMI BEKERJA UNTUK SYARIKAT SEPANJANG MASA. KAMI KELAPARAN. WALAUPUN HASIL YANG KAMI KELUARAKAN LUMAYAN TETAPI MAKANAN KAMI MASH SAMPATI SAMPAL. DALAM TAHUN-TAHUN YANG KURANG BAKUS RAMAI PELADANG MATI DARI KEBULURAN DAN MAYAT MEREKA TERBARING DI ATAS LADANG-LADANG DAN JALAN-JALAN.



**M'BEZI: UMUR 31**

TAHUN LEPAS KERING KONTONG. HASIL PUN MEROSOT. KAMI TIDAK ADA BIJI-BIJIAN UNTUK MAKANAN KAMI MAKAN RAMPUT DAN AKAR-AKAR. MEREKA YANG TUA MATI KEBULURAN. RAMAI YANG MENINGGAL KEDIAMAN MEREKA DAN BERSEBUNYI DALAM RUMBA. SYARIKAT PUN MENGHANTAR PEMBURI DAN ASKAR-ASKAR UNTUK MENGETAR MEREKA YANG LARI. MEREKA YANG DI BERKAS DI KURUNG DALAM GUA-GUA DI MANA MEREKA MATI KEBULURAN.



**KAYWANA: UMUR 18**

KAMI TELAH KEHILANGAN TANAH KAMI TELAH KEHILANGAN LEMBU DAN BINATANG TERNAKAN. KAMI ADALAH HANEA ABDI ORANG KULIT PUTIH. KAMI TIDAK ADA APA-APA KAMI TIDAK ADA HAK-HAK DAN TIDAK ADA UNDANG-UNDANG.



**PEGAWI TADBIR PENJAJAH TAK BERNAMA.**

JIKA ORANG TEMPATAN BERDEGIL ATAU CUBA MENERONTAK IA AKAN DI BUNUH. SAYA SENDIRI TELAH MEMBUNUH 150 ORANG TEMPATAN. RAMAI LAGI KANAK-KANAK DAN WANITA DI BUNUH. SAYA TELAH MEMOTONG 60 TANGAN DAN MENGANTUNG MAYAT-MAYAT MEREKA DI TENGAH-TENGAH BANDAR SEPANJANG PERKHIDMATAN SAYA 1500 ORANG TEMPATAN TELAH DI BUNUH DI LADANG SAHAJA.....



## PERKAUMAN

BANGSA AFRIKA DIAJAR SUPAYA MEMPUNYAI PERASAAN HINA DAN RENDAH DIRI. CERDIK PANDAI KULIT PUTIH KONONNYA MEMBUKTIKAN BAHWA BANGSA AFRIKA TIDAK MEMPUNYAI KEGERDASAN OTAK YANG SAMA DENGAN BANGSA KULIT PUTIH; KONONNYA BANGSA KULIT HITAM MEMANG DI LAHIRKAN SEBAGAI SATU BANGSA YANG LIAR DAN TIDAK DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN SENDIRI. DENGAN GARA-GARA INI, ORANG-ORANG KULIT PUTIH MEMPUNYAI ALASAN YANG KONONNYA MANASABAH UNTUK MELAKUKAN PENINDASAN TANPA MERASA BERDOSA.




KAMI DI HIDUPKAN DI WUKA BUMI INI UNTUK MENOLONG KAPITALIS YANG SUDAH KAYA ITU MENJADI LEBIH KAYA LAGI.

KAPITALISME HIDUP DI ATAS KEPAPAAN PETANI DAN KEMUSNAHAN NILAI-NILAI KEMANUSIAAN. KILANG-KILANG BESAR DI EROPAH BERJALAN LANGGAR MELALUI PEMERASAN DAN PERHAMBaan RAKYAT AFRIKA.







SEBAGIAN DARI AFRIKA YANG DITAKUI.  
 SEMUA IBU PEJABAT DI DIRIKAN DI SINI.  
 PEMERINTAH DI BROPAN TELAH MELANTIK SEORANG  
 GABENDU NYA DI SINI. PESAWAI-PESAWAI TADBEK  
 KULIT PUTIH DAN ANAK-ANAK AKAN  
 MEMASTIKAN BAHAWA SETIAP ORANG MEMBAYAR  
 CUKAI DAN MEMATUHI MATKAN SYARIKAT.

MEREKA YANG MENGANGGUR DAN  
 TAK BERKEBIDANAN DITEMPATKAN PALAN  
 KUARTERS. MEREKA TELAH DI HALAU DARI TANAH  
 MEREKA. SETENGAH DARIPADA NYA BEKERJA  
 SEBAGAI PELAYAN, PEKEBUN ATAU PENGEMBALA  
 YANG LAIN BERKHIDMAT DALAM PETABAT  
 ATAU SEBAGAI POLIS. BERBAGAI BAHAN  
 MBANTAH DI HANTAR MELALUI KAPAL KE  
 PERUSAHAAN-PERUSAHAAN DI BROPAN.  
 INI LAH APA YANG DIKATAKAN  
 TANAH JAJAHAN.

NADI INSAN, OGOS 1981



NADI INSAN, OGOS 1981

•sambung bulan depan 35



## DENDAM

Apa erti kemerdekaan  
warga-warga tanpa negeri.  
Dengan rasa iri menjeling ke selatan  
saudaranya ria dan ghairah dengan pembangunan  
mesjid dengan iras-iras kegemilangan yang lalu.

Seorang gerila merenung jauh  
menembusi bukit-bukau hijau semenanjung.  
Kelmarin berdiri tegak dan berdaulat  
kini negeri tanpa kemaruahan.

Dan esok  
dengan air mata yang berkaca  
mereka mesti bangun  
berdiri setinggi gajah putih.

Dendam seorang gerila  
membusut di kalbu  
bersarang kemiskinan di kampung  
dinding-dinding mesjid purba dipanjati lumut hitam.

Mereka mahu berdiri  
berdirilah  
ini tanahairmu yang suci  
yang hijau dan yang syahdu  
dan selalu dilitupi azan.

Ini tanahairmu yang sangat suci  
bersih bersihkanlah  
itu sarang syahwat  
itu keganasan merah.  
Bersih bersihkanlah  
oh Patani.

Zin Mahmud.

## BILA LAGI

Kepada zaman zaman yang gemilang  
hembusan bayu membelai panji-panji  
dan harapan terus diperjuangkan  
esok pasti mentari bersama kita.

Zaman gemilang sudah lama dipendamkan  
rindu warga pada pertiwi diperdalamkan  
menanggung perih hati yang terbiar  
laung azan terus diperdengarkan sepanjang.

Dan serasa hati tak tersabarkan  
generasi demi generasi pertiwi tanpa negeri  
maka kesekian zaman  
bedukan perang sudah kedengaran.

Sokonglah dengan sesuci jiwa  
ini tanahmu juga  
ini kerabatmu juga  
yang menyembah Tuhan yang sama.  
Dan berduri sungguh hidup ini  
dihancuri peluru Awi Dicu  
di kanan kundang di kiri merah  
dan pertiwi merintih.

Dalam segala kemiskinan dan kekotoran  
pertiwi Patani menjerit: Bila Lagi!

Zin Mahmud.



### **Sampaikan Pesanku**

Kau seekor burung  
betapa indah hidupmu  
terbang bebas  
selagi terbuka sayapmu mahu.

Betapa bebas kau  
bertenggak di ranting ini  
tiada siapa memaksakan.  
Aku tidak lagi  
kerna segalanya telah dirampas.

Kalau kita bisa bersama terbang  
mari kita jelajahi dunia  
nantinya aku tunjukkan  
rahsia hidup ini.  
Parti dapat kau sakikan  
penindasan dan kemiskinan  
masih berlarut-larut  
Jangan terkejut.

Bila bicara soal ini  
aku terlupa tentang diriku  
terkancing masih di liang sempit ini.  
Maka itu ku pinta  
kau seekor burung  
terbang sendirian dan  
tinggalkan aku di sini  
Dan sampaikan pesanku  
pada keluarga dan kawan-kawan.

Di sebalik hijau bukit itu  
pasak bumi ini  
kedapatan kawan-kawanku  
kerja kilang di P.J.  
jadi kuda andung majikan  
dan keluargaku petani kampung  
digiling mamah orang tengah.  
Katakan pada mereka  
aku masih gagah  
dan mampu bersuara.

Kau seekor burung  
kiraikan pelepah bulumu  
yang berwarna merah itu  
nantinya kukutip dan menggenggamnya  
dalam tekadku  
segagah bukit di hadapan itu  
menggenggam bumi ini.

Kamarazaman Yacob  
TTP, 1 Ogos.

### **Bila Rakyat Bersuara**

Aku pun tak akan meminta  
dan memang kau tak mampu  
mengucapkan Kebenaran,  
sebab duniamu tak mengenalnya  
terlalu asing mengetahui apakah  
namanya kebenaran.

Maka itulah kau tertawa menafikan  
adanya rakyat tak makan  
adanya rakyat kebuluran  
adanya rakyat kemiskinan  
sebab kau tak mengenal mereka  
selain menyebut nama 'rakyat' saja  
dan menipu dengan umpan dan janji  
bila kau menyembah mohon undi.

Belajariah dari sejarah  
pengalaman teman-teman klikmu  
yang runtuh tersungkur  
di kaki rakyatnya.  
Ketika itu tentu terlambat  
kekayaan dan darjat tiada kudrat  
bila rakyat bersuara  
kerana suara itulah mengajarkan  
arti kebenaran.

Kamarazaman Yacob.  
TTP, 20 Ogos.



# 'DIA IBUKU'

## Ada Class

Mohd Nor Hassan



Sarimah

Filem *DIA IBUKU* arahan Yassin Salleh, yang berjaya merebut hadiah filem terbaik pada Malam Merak Kayangan Kedua yang baru lalu, merupakan satu langkah ke depan bagi kemajuan perfileman Malaysia.

Perlakuannya baik pada keseluruhannya, tekniknya boleh tahan, dan arahan Yassin ternyata sudah maju setelah *Potret Maria*. Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa sebab utama kejayaannya adalah ceritanya.

Dan cerita inilah yang telah menarik perhatian orang ramai, terutama sekali setelah filem ini telah dibawa ke mahkamah. Mengikut dakwaan seorang seniman dari Pahang, Zulkfli Ismail, cerita *Dia Ibuku* merupakan karyanya.

Mengikut laporan, Zul mula mementaskan drama karyanya *Dia Ibuku* pada pertengahan tahun 60an semasih menjadi guru sekolah dan sebelum dia dipilih sebagai Wakil Negeri Pahang dalam pilihan-

raya tahun 1969. (Kemudiannya, Zul telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri selama lima tahun sehingga pilihanraya tahun 1974 telah selesai.)

Yassin Salleh juga adalah seorang seniman dari Pahang yang merupakan kawan karib Zul. Mereka pernah bekerjasama dalam mengusahakan beberapa persembahan seni.

Yassin dan Aimi Jarr adalah penulis lakunlayar untuk *Dia Ibuku* yang telah memenangi hadiah pada Malam Merak Kayangan. Beberapa pihak lain — termasuk penerbit eksekutif filem *Dia Ibuku*, iaitu Yusof Majid, suami Sarimah sekarang — diberi penghargaan atas penyesuaian cerita *Dia Ibuku* untuk dijadikan filem.

Setelah memenangi bilangan hadiah yang terbanyak pada Malam Merak Kayangan, tuntutan Zul ke mahkamah telah mengakibatkan mahkamah melarang penayangan filem itu selama beberapa hari. Tetapi tidak lama kemudian, sekatan itu telah ditarik balik oleh pihak mahkamah sendiri.

*Dia Ibuku* cuba menggambarkan kisah hidup Rohani, seorang ibu (Sarimah), yang bertungkus lumus setelah suaminya membunuh diri selepas dipenjarakan atas tuduhan CBT.

Rohani mempunyai dua anak lelaki — Jamal dan Jamil. Jamal sedang belajar di England, sedangkan Jamil pula belajar di Kuala Lumpur.

Kisah *Dia Ibuku* bertempat di Kerdau, dekat Temerloh di Pahang.

Kerdau merupakan sebuah kampung yang mempunyai sejarah yang sungguh luarbiasa.

Rakyat di kampung itu telah bergiat dalam usaha menentang penjajah British pada satu ketika dahulu. Malangnya, *Dia Ibuku* tidak menyentuk sejarah ini ataupun sebab-sebab yang telah mengakibatkan rakyat kampung itu bertindak demikian.

Mengikut cerita *Dia Ibuku*, Rohani bekerja kuat — mengerjakan sawah, menoreh getah, sambil menjual kuih-muih di pasar. Kesusahannya ini adalah demi membiayai pelajaran dan kehidupan senang kedua-dua anaknya.

Penggambaran latarbelakang dan cara hidup Sarimah ini agak baik, walaupun terdapat kelemahan-kelemahan tertentu — misalnya, boleh dikatakan bahawa Sarimah boleh memenangi pertandingan pesawah padi pakaian lawar. Pelakon-pelakon lain yang memainkan peranan Itam dan Sohor juga meyakinkan penonton.

Jamal dan Jamil tidak pernah kembali ke rumah ibu setelah kematian ayah mereka. Tetapi setelah mengambil peperiksaan, Jamil — tanpa kebenaran ibu-bapa angkatnya — mengunjungi kampung ibunya dan dapat merasai kepahitan dan kesusahan hidup Rohani. Dia pula berikhtiar terus tinggal dengan ibunya.

'Hero' filem *Dia Ibuku* ialah Jamil. Jamil, yang tidak suka berlawan akhirnya menjadi seorang ahli silat yang handal; anak perempuan orang kaya di kampung jatuh cinta kepadanya, tetapi akhirnya



Jamil juga menolaknya setelah orang kaya itu, seorang peminjam wang, merampas tanah serta rumah ibunya. Dia juga yang menyebelahi ibunya sedangkan abangnya Jamal mempersoalkan kemuliaan Rohani setelah Rohani dituduh sebagai pelacur oleh ayah bakal pengantinnya (Rosie).

Perbezaan kelas amat nyata dalam filem ini pada tiga peringkat — pada peringkat kampung, iaitu antara orang kaya kampung dan orang-orang lain seperti Rohani, Itam dan Sohor; dan di antara orang kampung dan orang bandar; dan yang paling nyata sekali, antara orang kaya di bandar yang bergaya barat dan orang-orang lain.

Walaupun terdapat adegan-adegan yang tidak begitu licin, boleh dikatakan bahawa penggambaran perbezaan-perbezaan kelas ini meyakinkan dan tidak dibuat secara kasar seperti sering terdapat dalam filem-filem Melayu lain.

Walau bagaimanapun, nampaknya pengarah *Dia Ibuku* tidak ingin mengambil pendirian tegas atas soal perbezaan kelas. Misalnya, nampaknya, Rohani ditindas oleh peminjam wang di kampung atas dorongan isterinya yang cemburu terhadap Rohani. Begitu juga, nampaknya ketidakadilan yang dilakukan oleh ayah Rosie terhadap Rohani disebabkan oleh ciri-ciri peribadinya dan bukan oleh taraf atau kedudukannya.

Tetapi walaupun terdapat kelemahan-kelemahan seperti ini, filem ini agak berani dari segi lain. *Dia Ibuku* tidak cuba menyampaikan penghabisan yang manis seperti sering terdapat dalam filem Hindustani atau filem Melayu ala Hindustani. Misalnya, kesayangan antara Jamil dengan anak orang kaya kampung tidak dapat berkembang.

Adegan-adegan seperti ini lebih meyakinkan kalau dibandingkan dengan adegan di mana ayah Rosie —

yang sentiasa mempunyai kesakitan jantung yang tidak meyakinkan — bertaubat, nampaknya tanpa sebab.

Pada keseluruhannya, walaupun terdapat kekurangan-kekurangan tertentu, *Dia Ibuku* merupakan satu langkah ke depan bagi perfileman Melayu. Pada tahun lalu, kemajuan demikian telah dicapai oleh filem karya Saadiah. Nampaknya, penglibatan wanita dalam pucuk pimpinan pembikinan filem sedang membawa kemajuan yang sihat bagi perfileman Melayu.

Ini adalah amat nyata kalau dibandingkan dengan filem-filem lain yang baru dibikin, seperti *Abang* — yang mengikut setengah pengkritik filem, merupakan *ego trip* untuk menonjolkan pelakon utamanya, yang kebetulannya juga merupakan pengarah serta penulis skripnya. Dalam hal perfileman kini, tidak boleh dinafikan bahawa sumbangan *ibu* jauh melebihi sumbangan *abang*. (N)

# PRAMOEDYA ANANTA TOER: Bakal Pemenang Hadiah Nobel



## BUMI MANUSIA

Novel Yang Dikarang Dalam Tahanan Di Pulau Buru

Edisi Malaysia 'BUMI MANUSIA' terbitan WIRA KARYA mengandungi penjelasan istilah Bahasa Indonesia.

"Dahulu saya tidak berpendapat bahawa karya-karya lama Pramoedya, walaupun mengagumkan, memberikan hak kepadanya untuk menerima Hadiah Nobel. Tetapi, kalau dia dapat mempertahankan mutu Bumi Manusia dalam jilid-jilid selanjutnya, saya kira pencalonannya memang layak dan harus dipertimbangkan secara serius."

Prof. Dr. A. Teeuw, Universiti Leiden

"Saya sendiri sudah baca seluruh buku ini, isinya baik sekali. BUMI MANUSIA layak menjadi bacaan wajib di sekolah-sekolah dan universiti."

Tun Adam Malik, Naib Presiden Indonesia

### Harga Bumi Manusia

(380 halaman):

1-4 naskah: \$12 senaskah

5 + naskah: \$10 senaskah

Tel: (06) 20028

### BORANG PESANAN

Sila hantarkan \_\_\_\_\_ naskah BUMI MANUSIA kepada:

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Bersama borang ini, saya sertakan cek/kiriman pos/kiriman wang sebanyak \_\_\_\_\_  
(Kembalikan borang ini kepada: WIRA KARYA, 576A Jln. Tengker, Melaka)



## Novel-Novel Pulau Buru Pramoedya Diharamkan Di Indonesia

H.S. Salim



Pramoedya

Dua novel yang terkenal yang dikarang oleh pengarang agung, Pramoedya Ananta Toer, semasa ditahan di Pulau Buru telah diharamkan oleh Kerajaan Indonesia baru-baru ini. Surat Jaksa Agung, Gen. Ismail Saleh, yang bertarikh 29hb Mei 1981, mendakwa bahawa pengharaman itu dilakukan kerana kononnya novel-novel itu "menyusupkan ajaran Marxisme-Leninisme" dan mengancam keselamatan dan ketertiban negara itu.

### Novel Pramoedya Mendapat Sambutan Hangat

Novel pertama Pramoedya, *Bumi Manusia*, telah diterbitkan pada bulan Ogos 1980 dan masih laris di pasaran selepas percetakan yang keempat. Novel ini telah menerima sanjungan tinggi dari akhbar-akhbar di Indonesia yang biasanya tidak menunjuk simpati terhadap bekas tahanan politik. *Kompas*, akhbar harian Indonesia yang mempunyai peredaran terbesar, telah menyatakan bahawa dengan *Bumi Manusia* Pramoedya telah dapat mengoncang dunia kesusteraan Indonesia dari kelumpuhannya. Menurut Prof. Teeuw pula, sekiranya Pramoedya dapat mengekalkan mutu *Bumi Manusia* dalam novel-novel selanjutnya, maka "pencalonannya (untuk Hadiah Nobel) memang layak dipertimbangkan secara serius". Tun

40

Adam Malik juga berpendapat bahawa "isinya baik sekali" dan "*Bumi Manusia* layak menjadi bacaan wajib di sekolah dan universiti".

Novel kedua Pramoedya, *Anak Semua Bangsa*, yang terbit tidak lama selepas novel pertamanya, juga mendapat sambutan dan sanjungan yang hangat.

Kedua-dua novel tersebut adalah jilid pertama dan kedua dari usahanya sepanjang empat jilid yang merangkumi zaman 1890 hingga 1918, zaman kebangkitan nasional di Indonesia, iaitu zaman yang hampir tidak pernah disentuh dalam sastra Indonesia. Kesemua novel-novel ini telah dikarang oleh Pramoedya semasa dalam tahanan di Pulau Buru. Pramoedya telah ditahan sebagai tahanan politik tanpa apa-apa perbicaraan selama 14 tahun dan telah ditempatkan di Pulau Buru selama sembilan tahun.

Pramoedya memang merupakan seorang tahanan politik Indonesia yang terkenal. Malah, oleh kerana bantahan yang meluas di seluruh dunia terhadap penahanannya yang begitu lama, pihak berkuasa Indonesia telah terpaksa membenarkan beliau untuk menulis semula dalam tahun 1974. Ini bermakna bahawa dari berpuluh ribu tahanan politik, hanya Pramoedya seorang sahaja yang memperolehi layanan istimewa itu. Dalam masa enam tahun yang terakhir dalam tahanan, Pramoedya telah menghasilkan banyak novel-novel, drama dan esei-esei. Sebahagian dari karyanya itu telah dirampas oleh pihak pemerintah. Malah, kesemua hasil karya yang ditulisnya sebelum 1965, termasuk novel *Keluarga Gerilya*, telah diharamkan di Indonesia.

### Perbezaan Pendapat Golongan Pemerintah

Desakan supaya diharamkan

novel-novel yang dikarang oleh Pramoedya di Pulau Buru memang telah lama dibuat oleh pihak-pihak tertentu di Indonesia. Tetapi, banyak pihak pula merasa bahawa tindakan itu adalah tidak wajar. Perselisihan ini berakhir dengan satu kompromi. Jabatan Pelajaran dan Kebudayaan Indonesia telah mengharamkan novel *Bumi Manusia* dari diedarkan di sekolah-sekolah. Tetapi Jaksa Agung pada masa itu, Lt. Gen. Ali Said, menegaskan secara terbuka bahawa buku itu tidak diharamkan. Pengarang majalah mingguan *Tempo*, Goenawan Mohamad, telah memuji langkah kerajaannya tidak mengharamkan buku itu.

Selepas novel-novel Pramoedya diharamkan, banyak golongan telah menyuarakan bantahan mereka atas tindakan pemerintah itu. Institut Guaman Jakarta telah mendesak supaya tindakan pengharaman itu dikaji semula. Beberapa orang ahli Parlimen Indonesia juga telah menyuarakan bantahan mereka. Malah, mengikut *Far Eastern Economic Review* (keluaran 26 Jun—2 Julai 1981), Tun Adam Malik telahpun menjemput Pramoedya ke majlis perkahwinan anak perempuannya dua minggu selepas pengharaman novel-novelnya.

Sama ada dua lagi novel yang diusahakan oleh Pramoedya semasa di Pulau Buru akan diterbitkan di Indonesia masih lagi belum jelas. Tetapi, usaha menerbitkan novel-novel Pramoedya di luar negeri tetap berterusan. Menurut penerbit novel-novel Pramoedya di Indonesia, *Bumi Manusia* edisi Malaysia sedang diedarkan di Malaysia. Sementara itu, edisi Belanda dan Inggeris novel tersebut akan diedarkan tidak lama lagi dan perjanjian untuk menerbitkannya dalam bahasa Jepun telahpun dipersetujui. (N)



# UNTUK NUSA DAN BANGSA

**WATONIAH**


K.D.N. 0080/80

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
Kuala Lumpur.  
Tel: 980044.

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur  
P.O. Box 2454

---





## DURI DAN API

Kawan-kawanku yang dikasihi  
semalam kita bertemu kembali memadu  
ketika matari tersangkut di bumbung Utusan  
kita tidak menerima apa yang ada  
yang dinyanyikan dari hati berani  
dengan tangan erat pada keyakinan terpahat.

Lagu kita telah mulai terpancar  
ah, anak-anak manisnya mengenguk keluar  
di luar udara basah dalam matari bersinar  
semua antara kita lagunya seluruh sedar.

Apakah ini derita diri dalam mimpi  
atau kenyataan pahit menjepit  
pada lena yang membunuh kehidupan manusia  
sama-sama kita rangkul menguji diri.

Kawan-kawanku yang dikasihi  
di belakang duri di depan api  
kita tidak bisa undur lagi  
duri dan api, tajam panasnya kita hadapi.

Semalam dan hari ini kita diukir sejarah  
di mana airmata tidak akan menitik-tumpah  
sebab kebulatan ikrar tak akan berubah  
apa saja kita akan menyerah.

Usman Awang  
Sungai Besi, Kuala Lumpur, 23 Julai 1961.